

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 159 ● 25 - 31 MAC 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WKTV

Pandemik punca DBKL bentang belanjawan defisit

TEKANAN ekonomi akibat pandemik COVID-19 dan pengurangan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan merupakan penyebab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membentangkan belanjawan defisit pada tahun 2019, 2021 dan 2022, kata Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan

Kassim.

Beliau memberitahu, demi kesejahteraan warga kota, pemberian insentif kepada warga kota yang terkesan disebabkan pandemik COVID-19 turut menjadi punca kekurangan hasil DBKL.

"Ini ialah kesan seluruh negara bahkan seluruh dunia di mana semua

pihak mendapat tekanan kerana COVID-19.

"Kita sedia maklum bahawa hampir dua tahun tiada aktiviti ekonomi boleh dilaksanakan dan baru-baru ini kerajaan telah membuka semula sektor ekonomi, kita lihat ada pergerakan yang cukup baik dan semua perniagaan peringkat

skala kecil dan besar telah mula berjalan dan ini akan membolehkan cukai taksiran dikutip," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjawab soalan tambahan yang dikemukakan Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahya di Dewan Negara pada Rabu.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



SHAHIDAN

50km/j di Jalan Bangsar, Jalan Ampang

Had laju baharu diperinci MIROS

ORANG ramai di ibu kota perlu memandu dengan had laju baharu jika cadangan had laju kenderaan yang sedang diteliti oleh Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mendapat kelulusan.

Dewan Negara diberitahu kajian rintis mengenai kebolehlaksanaan cadangan masih di dalam perincian MIROS.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias memberitahu Dewan Negara beberapa kawasan yang dicadangkan oleh MIROS untuk diturunkan had kelajuan sedia ada berdasarkan Perintah Had Laju Bandaraya Kuala Lumpur 1989.

LAGI BERITA DI MUKA 2



Jangan dijual beli lesen bazar Ramadan >> 7



Kupasan isu
Jangan jadikan
Ramadan bulan
pembaziran
>> 9, 10 & 11



Hotel tidak
promosi
Kuala Lumpur
>> 15

Kutipan cukai akan meningkat pasca pandemik

DARI MUKA DEPAN

SHAHIDAN berkata, sumber pendapatan utama DBKL adalah hasil taksiran dan dijangkakan apabila ekonomi bertambah baik, pendapatan melalui cukai taksiran dan caj pembangunan akan turut meningkat.

"Ketika ini sumber pendapatan melalui pembayaran sewa hampir mencecah RM100 juta. Dengan pembinaan perumahan Council Home akan meningkatkan lagi pendapatan sewa," katanya.

Menurut beliau, DBKL pernah mendapatkan peruntukan yang besar daripada Kementerian Kewangan untuk peruntukan mengebus dan pembangunan.

"Sebagai contoh, kerajaan pusat pernah memberikan peruntukan mengurus B32 yang tinggi pada 2014 berjumlah RM130 juta dan semakin berkurangan setiap tahun di mana tiada peruntukan diterima pada 2019 dan hanya menerima RM2 juta pada tahun 2021," katanya.

Ujarnya, pada masa ini, DBKL terpaksa menggunakan rizab untuk menampung kekurangan peruntukan yang diterima oleh kerana tekanan ekonomi dan juga sumbangan Kerajaan Persekutuan.



DBKL kehilangan hampir 50 peratus pendapatan caj pembangunan semasa tempoh pandemik COVID-19.

"DBKL sentiasa melaksanakan perbelanjaan berhemah dan *value for money* dengan meneruskan projek-projek yang mengutamakan kesejahteraan warga kota.

"Usaha-usaha untuk meningkatkan kutipan hasil terus dilaksanakan bagi menangani belanjawan defisit di masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, DBKL mengalami penurunan pendapatan daripada sumber lain seperti caj pembangunan yang mengalami penurunan sebanyak 50 peratus.

"Pendapatan daripada sumber lain seperti caj pembangunan dimana kita hanya mendapat RM300 juta sedangkan sebelum ini kita mendapat RM600 juta," katanya.

Shahidan berkata, pihaknya akan memastikan aktiviti ekonomi dapat berjalan dan pada masa sama, insentif untuk warga kota yang terkesan turut akan diberikan.

"Kita hendak memastikan pendapatan dapat mengatasi kekurangan yang dihadapi setelah ekonomi digerakkan dan cukai taksiran dapat dikutip semula," katanya. WK

Negara Nordik kongsi pengalaman pelihara kebersihan bandar raya

KESATUAN Negara Nordik yang terdiri daripada Sweden, Norway dan Finland sedia berkongsi pengalaman dan idea demi memastikan kebersihan alam sekitar terutama bandar raya Kuala Lumpur terjaga.

Duta Besar Sweden, **Dr Joachim Begstrom** berkata, mengambil kira pengalamannya, pemuliharaan alam semula jadi berlaku dilakukan secara turun-temurun dari satu generasi kepada generasi yang lain.

"Ketika kami semua kanak-kanak, kami dididik dan dipaksa untuk menyertai program seperti ini dalam usaha membersihkan bandar. Selain itu, kami turut diajar untuk memproses sisa makanan untuk dijadikan bahan kompos dan menjaga kelestarian hutan, sungai dan sebagainya," katanya ketika berucap selepas menyertai Program Plogging sempena Bulan Nordik di Pusat SDGs Kuala Lumpur pada Ahad.

Hadir sama, Duta Besar Norway, Morten Paulsen, Timbalan Ketua Misi Kedutaan Finland, Eero Vaisanen dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Joachim berkata, adalah wajar

bagi negara Nordik membantu mengukuhkan usaha tentang kelestarian alam sekitar di Kuala Lumpur.

"Saya fikir apa yang kita lakukan hari ini adalah usaha penting dan saya mengadakan perbincangan dengan Datuk Bandar, pendidikan dan kesedaran adalah segala-galanya."

LAGI GAMBAR DI MUKA 12

"Oleh itu, apabila semua orang berusaha seperti ini dan menyertai acara ini, kita boleh menghasilkan idea yang lebih baik untuk memulihara alam sekitar terutama di bandar raya ini," katanya.

Tambahnya, negara Nordik turut mahu berkongsi idea dan penyelidikan serta pembangunan sains dalam memajukan dan mengekalkan kemampuan bandaraya.

"Kami benar-benar memastikan dan mengalau-alukan idea dari Kuala Lumpur untuk belajar daripada pengalaman Nordik mengenai clean energy, pengurusan sisa bersih dalam usaha yang wujud dalam menukar sisa sampah menjadi tenaga," ujarnya. WK

MIROS hantar kertas cadangan had laju baharu kepada DBKL

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

"KAWASAN perumahan, yang banyak tumpuan pejalan kaki dan basikal dari 40km/j diturunkan kepada 30km/j.

"Kawasan sekolah, had laju yang digalakkan (*advisory speed limit*) adalah 30km/j dan ia seperti yang dicadangkan MIROS.

"Kawasan yang diwartakan 60km/j dicadangkan untuk diturunkan kepada 50km/j adalah seperti di Jalan Bangsar dan Jalan Ampang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya semasa sesi pertanyaan lisan Dewan Negara hari ini.

Jalaluddin berkata, terdapat beberapa batang jalan yang telah diwartakan had kelajuan 70km/j dan 80km/j tidak termasuk dalam skop kajian penurunan had laju oleh MIROS.

"Contoh jalan-jalan ini adalah Jalan Tun Razak - 70km/j, Jalan Loke Yew - 70km/j, Jalan Syed Putra - 80km/j dan Lebuhraya Mahameru - 80km/j," katanya.

Tambahnya, pada masa kini DBKL dimaklumkan bahawa kajian rintis terhadap kebolehlaksanaan cadangan had laju ini masih di dalam perincian serta penelitian oleh pihak MIROS.

"MIROS menjangkakan untuk



KAJIAN penurunan had laju oleh MIROS akan dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada suku kedua tahun 2022.

menghantar kertas cadangan untuk melaksanakan kajian tersebut kepada DBKL pada separuh kedua tahun 2022," katanya.

Jalaluddin berkata, cadangan ini mula diketengahkan melalui perjumpaan antara Ketua Lembaga Pengarah MIROS bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur pada Januari 2022 dan MIROS mengambil inisiatif ini berdasarkan Kempen Minggu Keselamatan Jalan Raya Global PBB Ke-Enam (6th UN Global Road Safety Week) dimana had kelajuan 30km/j ini dapat mengurangkan kecederaan daripada kemalangan kepada golongan berisiko tinggi seperti pejalan kaki, basikal dan motosikal.

Ini adalah mengambil kira keupayaan badan manusia yang boleh

menahan impak kemalangan kurang daripada 30km/j.

PERKASA PENGANGKUTAN AWAM ATASI KESESAKAN

Dalam pada itu, Jalaluddin berkata, DBKL dalam usaha untuk memuktamadkan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang merupakan dokumen perancangan yang mengandungi wawasan, matlamat, dasar dan cadangan mandu pembangunan Kuala Lumpur bagi 20 tahun akan datang termasuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas secara menyeluruh.

"Antara langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan di Kuala Lumpur ini adalah meningkat-

No.	Kawasan	Had laju asal	Cadangan had laju oleh MIROS	Contoh Jalan
1.	Kawasan perumahan, yang banyak tumpuan pejalan kaki dan basikal	40km/j	30km/j	
2.	Kawasan sekolah	Had laju yang digalakkan (<i>advisory speed limit</i>) adalah 30km/j	Had laju berkanun 30km/j	
3.	Kawasan yang diwartakan 60km/j	60km/j	50km/j	Jalan Bangsar, Jalan Ampang

Jalan-jalan yang telah diwartakan had kelajuan 70km/j dan 80km/j tidak termasuk dalam skop kajian penurunan had laju oleh MIROS.

Bandaraya-bandaraya lain di seluruh dunia yang telah mempraktikkan had laju 30km/j sejak tahun 1990an. Bandaraya tersebut adalah sebagai berikut:

Jalan Tun Razak 70km/j
Jalan Loke Yew 70km/j
Jalan Syed Putra 80km/j
Lebuhraya Mahameru 80km/j

Graz, Austria; Valencia, Sepanyol; Helsinki, Finland; Toronto, Kanada; Zurich, Switzerland; dan lain-lain. Yang terkini adalah Paris, Perancis

kan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan menambah baik masalah di *First Mile* dan *Last Mile* yang masih perlu ditambah baik.

"Pihak DBKL telah menyediakan perkhidmatan Bas Go-KL secara percuma di Kuala Lumpur bagi menggalakkan tahap penggunaan pengangkutan awam. Setakat hari ini 11 laluan telah beroperasi dengan tujuh laluan *First Mile* dan empat laluan *Last Mile*.

"DBKL sedang dalam kajian dan perancangan untuk mengintegrasikan sistem lampu isyarat di kawasan bandar dan pinggir bandar. Ketika ini, lampu isyarat di kawasan bandar, menggunakan sistem *traffic scats* dan di kawasan pinggir bandar pula menggunakan sistem *traffic sen*

yang dikawal selia dan dikoordinasi oleh Kuala Lumpur Command & Control Centre (KLCCC)," katanya.

Tambahnya, antara punca kesesakan di kawasan bandar raya adalah terdapat pelbagai halangan di jalan raya seperti kenderaan rosak, kemalangan, parkir di kawasan yang tidak dibenarkan dan pelbagai lagi.

"DBKL telah menempatkan anggota penguat kuasa (*warden trafik*) setiap hari dalam membantu pihak polis trafik membuat kawalan lalu lintas pada waktu pagi dan petang dan tindakan pengukuhan turut dilaksanakan ke atas kenderaan yang didapati melakukan kesalahan serta menyebabkan halangan lalu lintas," katanya. WK

Bahasa rasmi ASEAN

Ismail angkat martabat bahasa Melayu

HASRAT untuk melihat bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ASEAN akan menjadi kenyataan tidak lama lagi dengan usaha dan perjuangan Perdana Menteri **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**.

Perdana Menteri memberitahu Dewan Negara bahawa beliau akan mengadakan perbincangan dengan pemimpin ASEAN untuk mencadangkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ASEAN, dalam usaha memartabatkan bahasa ibunda itu di peringkat antarabangsa.

Bernama melaporkan, Ismail Sabri berkata selain Malaysia, beberapa negara jiran seperti Indonesia, Brunei, Singapura, Selatan Thailand, Selatan Filipina serta sebahagian Kemboja turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

"Jadi tiada sebab kita tidak boleh jadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa rasmi ASEAN. Kita akan selaraskan perkara ini dan saya akan bincang dengan pemimpin negara ASEAN yang memang menggunakan bahasa Melayu, supaya mereka bersetuju jadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ASEAN."

"Selepas itu, kita akan

bincang pula dengan pemimpin-pimpinan ASEAN lain yang juga mempunyai penduduk yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan di negara mereka," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Senator Datuk Seri Zurainah Musa yang ingin tahu adakah kerajaan akan bekerjasama dengan pemimpin negara ASEAN untuk menyelaraskan penggunaan bahasa Melayu di peringkat ASEAN.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata pada masa ini hanya empat daripada 10 negara ASEAN yang menggunakan bahasa Inggeris dalam acara-acara rasmi di peringkat antarabangsa, manakala enam negara lagi menggunakan bahasa ibunda sendiri dalam urusan rasmi masing-masing dan perlu diterjemahkan.

Ismail Sabri berkata beliau sendiri telah menggunakan bahasa Melayu semasa lawatan rasmi ke Indonesia, Brunei, Kemboja, Thailand sebelum ini, dan terbaru semasa lawatan ke Vietnam dua hari lepas.

"Kita tidak perlu berasa malu atau kekok untuk menggunakan bahasa Melayu di peringkat



SEBAHAGIAN warga di lima negara ASEAN bertutur menggunakan bahasa Melayu.

antarabangsa kerana usaha memartabatkan bahasa Melayu ini juga selari dengan salah satu daripada bidang keutamaan Kerangka Dasar Luar Malaysia yang telah dilancarkan oleh kerajaan pada 7 Disember lepas.

"Usaha ini akan diteruskan dalam mana-mana pertemuan, mesyuarat dan persidangan antarabangsa, sama ada dua hala atau pelbagai hala, di dalam maupun di luar negara mengikut kesesuaian," katanya.

Menjawab soalan tambahan

Senator Datuk Isa Ab Hamid sama ada kerajaan telah meletakkan pegawai berkemahiran tinggi dalam bahasa Melayu di luar negara, Ismail Sabri berkata Kementerian Luar akan menyediakan latihan penterjemah kepada pegawai di luar negara.

Ismail Sabri juga mencadangkan pegawai yang mempunyai kemahiran menterjemah dan berupaya membantu negara bagi urusan penterjemahan bagi urusan rasmi kerajaan nanti akan diberikan eluan khusus.

Selain itu beliau berkata Kementerian Luar juga akan mewujudkan Unit Bahasa dan Kebudayaan di setiap pejabat kedutaan negara selain menyediakan kelas bahasa Melayu untuk pegawai dan anak mereka yang berada di luar negara.

"Kita dapat bahawa sesetengah anak pegawai diplomatik kurang mahir berbahasa Melayu kerana mereka memasuki kelas di sekolah antarabangsa, dan sesetengah pegawai itu tidak pulang ke Malaysia sebaliknya 'cross posting' diantar ke negara lain-lain secara berterusan.

"Ini menyebabkan anak-anak mereka yang belajar bertahun di sekolah antarabangsa tidak boleh berbahasa Melayu, jadi kita akan wujudkan kelas ini segera... dan akan diperluas kepada rakyat Malaysia yang berada di luar negara," katanya.

Menjawab soalan tambahan Senator Muhammad Zahid Md Arip mengenai usaha kerajaan memartabatkan penterjemahan buku di negara ini, Ismail Sabri berkata kerajaan akan memperkenalkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia supaya lebih proaktif dalam menterjemah buku-buku ke dalam bahasa Melayu. **WK**

115 NGO sertai Program Amal Gelandangan

DEEL ANJER

SETIAP hari ada sahaja badan bukan kerajaan (NGO) serta individu yang tampil menghulur sumbangan kepada golongan memerlukan bantuan.

Sememangnya rakyat Malaysia cukup terkenal dengan sikap pemurah hati, malah dalam agama Islam juga digalakkan umatnya untuk bersedekah.

Justeru itu, Persatuan Muafakat Darul Ehsan (PAKAT) dengan luhur hati telah menganjurkan Program Kasih 21 Hari Mesra Gelandangan yang bermula pada 2 hingga 22 Mac lalu.

Antara lokasi yang dikunjungi oleh ahli NGO Program Kasih 21 Mesra Gelandangan setiap hari bermula pukul 8 hingga 10 malam adalah di kawasan Masjid Jamek, Masjid India, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit dan Jalan Ipoh.

Ketua Pengarah program tersebut, **Datuk Seri Nor Hasnal** memberitahu, Program 21 Hari Kasih Mesra Gelandangan anjuran PAKAT itu dijayakan bersama dengan rangkaian Pertubuhan NGO serta agensi kerajaan Malaysia.

"Mula-mula rancang nak buat sehari atau dua hari saja seperti selalu. Entah macam mana nak buat kelainan, itu yang datang idea buat 21 hari. Ramai yang tanya saya, betulkah nak buat program selama 21 hari, siapa nak tanggung nanti?

"Bagi saya, bila sudah ada niat teruskan saja, dana fikir kemudian. *Alhamdulillah*, dari awal mesyuarat hingga program ini dilaksanakan, Allah permudahkan semua urusan. Ada saja pihak yang tampil untuk menghulur bantuan."

"Kita jalin kerjasama dengan NGO



GELANDANGAN sedang beratur untuk menerima bantuan makanan pada Majlis Penutup Program Kasih 21 Hari Mesra Gelandangan.

yang sedia ada dan sehingga kini sudah ada 101 NGO yang turut serta. Hingga saat akhir masih ada lagi tiga NGO yang menyertai dan kesemuanya adalah 115 NGO yang mengambil bahagian," jelas Nor Hasnal.

Memandangkan ini adalah kali pertama banyak NGO bergabung, program tersebut turut diiktiraf oleh *Malaysia Book Of Records* sebagai Program Amal Gelandangan dengan Penyertaan NGO Terbesar di Malaysia.

Program Kasih 21 Hari Mesra Gelandangan dengan tema Tangan

Dihulur, Budi Ditabur, Kasih Disemai itu bertujuan untuk membantu golongan gelandangan dan insan terjejas akibat pandemik COVID-19 dengan menyediakan barang keperluan seharian dan juga makanan buat mereka.

Setiap hari, 200 pak makanan dan barang keperluan asas seperti kit penjagaan kebersihan diri dan makanan kering diberikan selama 21 hari.

Jumlah sumbangan makanan dan kit kebersihan diri yang diberikan kepada gelandangan sepanjang program berjalan adalah sebanyak 4,500 pak. **WK**

Jelajah AKM Perlis tawar lebih 1,000 peluang kerja

PERDANA Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Perlis Jumaat ini yang antara lain menjanjikan lebih 1,000 peluang kerjaan.

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Perlis, **Basharudin Khalid** berkata kerja yang ditawarkan menerusi program itu merangkumi pekerjaan dalam perkhidmatan awam dan swasta, termasuk dalam sektor industri pembuatan, perdagangan, pemborongan, peruncitan dan juga perhotelan.

Beliau berkata sehingga kini pihaknya telah menerima pengesahan penyertaan daripada 20 majikan, dengan 90 peratus daripada mereka adalah majikan dari negeri-negeri di utara semenanjung.

"Ada juga majikan dari Selangor seperti Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), *Malaysia Short-term Employment Programme* (MYSTEP), Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (ATAM) Sdn Bhd dan beberapa lagi," katanya.

Dijangka akan dihadiri sekitar 10,000 pengunjung dan turut menyediakan pelbagai aktiviti serta program menarik, dengan salah satunya melibatkan Karnival Kerjaya Jamin Kerja.

Basharudin berkata pihaknya menjangka sekitar 1,500 pencari kerja dari negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang akan mengikuti karnival berkenaan. **WK**

DBKL mahu tangani segera isu pusat penjaja D'Laman Rasa

SYAHIDI BAKAR

PERMASALAHAN dihadapi kira-kira 60 peniaga di Pusat Penjaja D'Laman Rasa, Pekan Sungai Besi akan diberikan perhatian sewajarnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk diselesaikan dalam tempoh masa terdekat.

Komitmen tersebut jelas dinyatakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** yang memberi jaminan setiap aduan serta kerosakan pada struktur bumbung mahupun isu kekurangan kemudahan asas yang dihadapi para peniaga akan ditangani sebaik mungkin.

Beliau semasa tinjauan ke pusat penjaja baharu beroperasi kira-kira dua bulan lalu turut mengakui keluhan para peniaga adalah berasas dan DBKL meletakkannya sebagai keutamaan untuk diatasi demi memastikan kebajikan dan keselesaan para peniaga terpelihara.

"Masalah bekalan air bersih tidak mampu disalur untuk menampung kegunaan semua premis yang beroperasi adalah keperluan asas perlu diselesaikan segera dengan



MAHADI (tengah) ketika hadir berbincang dengan wakil peniaga di Pusat Penjaja D'Laman Rasa, Pekan Sungai Besi.

menambah empat sehingga lima tangki simpanan air dan isian semula harus lebih kerap dibuat oleh pihak penyedia bekalan," katanya.

Selain penjaja, diskusi berlangsung lebih 30 minit turut dihadiri Pegawai Khas Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Kuek Po Guan dan Pengurus MPPWP Sub Zon 5 serta Sub Zon 6 Bandar Tun Razak, Farouk Mohd Noor dan Norazman Salahuddin.

Pusat Penjaja D'Laman Rasa Sungai Besi ketika ini menempatkan kira-kira 64 premis, namun gagal mem-

bekalkan sumber air dan elektrik pada kadar optimum walaupun fasiliti seperti tangki air serta ibu sawat sedia ada tidak berfungsi sepenuhnya.

Selain masalah bekalan asas dan sumber tenaga, Wakil Badan Bertindak, Persatuan Penjaja Sungai Besi turut mengutarakan perlunya binaan awning bagi menghalang tempias air hujan.

Lanjutnya itu, Mahadi turut mengarahkan Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyenggaraan Bangunan DBKL untuk segera men-

genal pasti serta melantik kontraktor berkelayakan bagi kerja membaik pulih dan menambah binaan struktur.

Menurutnya, setiap kerossakan kecacatan infra di pusat penjaja terbabit akan segera diperbaiki dan menggunakan peruntukan dalam DBKL untuk memastikan kelancaran operasi para peniaga.

"Sebolehnya setiap kerossakan dan masalah yang dialami di pusat penjaja ini akan dapat disiapkan sepenuhnya di dalam tempoh selewat-lewatnya seminggu menjelang Ramadan.

"Perkara ini harus diberi keutamaan kerana inilah keperluan para peniaga mencari rezeki dan DBKL akan pastikan setiap aduan serta permasalahan berbangkit dapat kita selesaikan demi kebajikan mereka yang terabit," ujarnya.

Sementara itu, Mahadi turut mengarahkan suatu sesi mesyuarat diadakan segera berhubung isu kesesakan teruk di pekan Sungai Besi berikutan projek pembangunan yang sedang berjalan serta mahukan setiap pihak termasuk pemaju projek dan kontraktor terbabit kemukakan solusi untuk kelancaran aliran trafik. WK

CERITA KEDAI KOPI

Bayar yuran penyenggaraan

SUDAH diberi tempat tinggal, enggan pula membayar yuran penyenggaraan. Inilah sikap segelintir warga Kuala Lumpur yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seperti dilaporkan *Wilayahku*.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, antaranya melibatkan beberapa orang penduduk yang tinggal di PPR Air Panas, Setapak. Mereka berhutang sehingga ribuan ringgit kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).

Sikap begini tidak bertanggungjawab. Sepatutnya bersyukur kerana yang menghuni PPR adalah kelompok bertuah kerana mendapat tempat untuk berlindung daripada panas dan hujan.

Bayangkan di luar sana masih ada beribu-ribu orang lagi menunggu giliran mendapat rumah tetapi masih belum berjaya kerana permintaan melebihi penawaran.

Kerana itu apabila sudah menjadi 'orang yang terpilih' tunjukkanlah sikap yang terpuji dan mematuhi syarat ditetapkan. Kesemua penghuni sudah memahami ada yuran penyenggaraan yang perlu dibayar apabila menduduki rumah PPR.

Yuran ini adalah untuk kebaikan penghuni sendiri, dibelanjakan semula untuk kerja-kerja penyenggaraan atau *maintenance* dan penambahbaikan jika perlu demi keselesaan dan kesejahteraan semua penghuni.

Keengganan membayar yuran akan menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan tidak dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Tentu penghuni tidak mahu PPR kediaman mereka tidak terurus. Penyenggaraan memerlukan wang, kerana itu bayarlah yuran penyenggaraan.

Sumber kewangan ini amat diperlukan bagi melancarkan kerja-kerja pembersihan, pembayaran bil utiliti, membaiki kerosakan serta penyenggaraan lif. Jumlah yuran tidak sampai pun RM100 sebulan tetapi ada yang culas membayar.

Yang lebih mengejutkan kawan-kawan Kedai Kopi ialah ada di antara mereka yang culas ini telah membeli unit PPR itu sejak hari pertama tetapi langsung tidak membayar sedikit pun yuran. Akibatnya jumlah bertimbun hingga ke hari ini. Jika sudah banyak, lagilah liat untuk membayar.

Dalam hubungan ini, kawan-kawan Kedai Kopi hairan juga kenapa dibiarkan yuran ini tertunggak begitu lama tanpa sebarang tindakan awal diambil? Sepatutnya sejak bulan pertama tidak membayar, kejar mereka sampai dapat.

Rasanya penghuni PPR ini mampu menjelaskan yuran penyenggaraan tetapi sengaja tidak mahu berbuat demikian, mungkin kerana merasakan akan terlepas memandangkan tiada tindakan terhadap mereka.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi menyokong penuh langkah JMB dan MC melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB) mengambil tindakan undang-undang kepada penghuni, termasuk menyita harta benda sebagai menjelaskan bayaran yuran tertunggak.

Ini pengajaran dan peringatan sebaik-baiknya kepada semua penghuni PPR. Patuh syarat penyewaan dan jangan susahkan tugas pentadbir untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dengan sebaik mungkin.

Jika ingin tinggal dalam persekitaran yang selesa dan diurus dengan baik, maka bersedia lah membayar sedikit amun yang akan digunakan bagi tujuan itu. Jika tidak, elok sahaja bagi peluang kepada orang lain yang sedang berbaris menunggu mendapatkan PPR.

Janganlah kerana sikap segelintir penghuni, nama baik penyewa yang sentiasa setia membayar yuran turut terjejas. Lebih buruk jika kerana beberapa insan degil ini, majoriti penghuni lain akan turut sama susah jika kerja-kerja penyenggaraan tidak dijalankan dengan sempurna. Belajarlah bertimbang rasa dan hormat menghormati.

Bantuan khas banjir untuk Sahabat Usahawan AIM

SERAMAI 2,356 Sahabat Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), bagi Wilayah Selangor dan Kuala Lumpur menerima geran khas Bantuan Banjir Keluarga Malaysia (BBKM) yang jumlah keseluruhannya bernilai RM7,068,000 hari ini.

Menerusi program yang dilaksanakan serentak di empat lokasi iaitu di Shah Alam; Puchong; Kuala Selangor dan Kuala Langat itu, setiap usahawan menerima geran khas iaitu cek *one-off* (sekali bayar) bernilai RM3,000.

Pengarah Urusan AIM, **Mohamed Shamir Abdul Aziz** berkata, bantuan banjir yang diusahakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Tan Sri Noh Omar itu sangat membantu Sahabat

Usahawan AIM yang sedang berusaha untuk bangkit semula susulan bencana banjir.

"Untuk keseluruhan jumlah Sahabat Usahawan yang terjejas akibat banjir adalah seramai 8,859 Sahabat yang membabitkan peruntukan yang akan disalurkan khusus untuk Sahabat AIM sahaja adalah sebanyak RM23.1 juta.

"Kesemua penerima BBKM daripada Sahabat Usahawan AIM ini, sebahagian besarnya adalah usahawan informal iaitu peniaga gerai dan penjaja di tepi jalan yang mengalami kemasuhan secara keseluruhan yang mana gerai dan premis perniagaan hanyut dibawa banjir," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penyerahan



NOH Omar (dua dari kanan) menyampaikan replika cek bernilai RM7,068,000 kepada Mohamed Shamir (dua dari kiri) pada Isnin.

Geran Khas Bantuan Banjir Keluarga Malaysia (BBKM) di Pusat Konvensyen Shah Alam pada Isnin.

Pada majlis itu, Noh menyampaikan bantuan berkiraan kepada 921 penerima. Turut hadir adalah Ketua

Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Koperasi, Datuk Suriani Ahmad; Pengurus Lembaga AIM, Datuk Shabudin Yahaya dan Timbalan Pengurus Lembaga AIM, Mohd Najib Mohd Noor. WK

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN
Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Sabrina Sabre

sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com

Diana Amir

dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib

adhamfaizi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreezahashimwilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

Rindu
Melancong?



**PAKEJ CUTI
PENJAWAT AWAM
& PESARA KERAJAAN**

Dapatkan pakej-pakej menarik
dengan harga berpatutan
di laman web Tourism Malaysia
www.malaysia.travel



IMBAS SEKARANG!



Bagaimana anda boleh mendapatkan pakej ini?



1. Imbas QR CODE yang tertera

2. Pilih

#PAKEJCUTIPENJAWATAWAM



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

TOURISM
MALAYSIA

Ikuti kami:



malaysia.travel

Pembeli hendaklah menunjukkan kad pekerja / kad pesara
sebagai bukti semasa pembelian pakej dijalankan.

Cerita demonstran di Kuala Lumpur



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

MENGANJURKAN perhimpunan haram walau apa alasan sekalipun bukan satu tindakan bertanggungjawab.

Banyak kesan buruk daripada tindakan sedemikian. Antaranya memberikan gambaran yang tidak tepat tentang keadaan negara ini di mata dunia.

Banyak isu yang dibawa ke jalan raya sebenarnya boleh diselesaikan di meja rundingan. Dalam perundingan menepuk hingga pecah meja sekalipun tidak ada masalah. Itukan sebahagian daripada proses untuk mendapatkan kata sepakat dan menyelesaikan pertikaian?

Perhimpunan, sama ada secara haram atau yang dibenarkan oleh pihak berkuasa bukan saluran betul untuk mencapai sesuatu matlamat. Banyak pendekatan lain yang tidak mencetuskan gangguan terhadap orang ramai serta mempermudahkan sentimen mereka. Bagaimanapun cara demikian kurang memberi peluang kepada oportunitis tertonton di depan rakyat.

Kuala Lumpur perlu dibersihkan daripada tindakan tidak bertanggungjawab dan membuka laluan bandar raya ini dieksplorasi oportunistis.

Mesti ada tindakan tegas untuk menghalang segala bentuk perhimpunan yang mengganggu urusan harian rakyat – tutup jalan utama, tutup stesen LRT Masjid Jamek dan banyak lagi. Malah ada kedai-kedai di sekitar laluan demonstran ditutup kerana bimbang perkara yang tidak diingini.

Seperkara lagi hal sistem pentadbiran negara bukan berada di jalan raya. Bukan berada di Dataran Merdeka atau Jalan Raja di depan bangunan Sultan Abdul Samad. Keadilan tidak dapat ditegakkan hanya dengan memainkan sentimen umum daripada perhimpunan sedemikian.

Tentu sebahagian dalam kalangan kita masih ingat dengan perhimpunan di depan stesen LRT Masjid Jamek dan Dataran Merdeka setahun lalu ketika rakyat berdepan pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketika itu rakyat diasak supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) – antaranya berjarak antara individu.

Ironinya demonstran di



MANIPULASI sentimen umum berlaku tanpa sedar dan perhimpunan semakin menjadi senama dengan Kuala Lumpur.

depan stesen LRT Masjid Jamek dan Dataran Merdeka. Mereka berhimpit dan bergerak bebas tanpa menghiraukan SOP. Di Dataran Merdeka pula kelihatan beberapa ahli kabinet yang muka mereka selalu kelihatan di televisyen hadir memberi sokongan.

Hal ini berlaku ketika sebahagian besar rakyat di negara ini hanya boleh bergerak dalam lingkungan 10 kilometer. Padahal demonstran itu datang di luar lingkaran 10 kilometer.

Mereka tidak ada kebenaran untuk bergerak melepas garis 10 kilometer untuk mengadakan perhimpunan bertemakan baju hitam.

Pada masa yang sama banyak dalam kalangan rakyat hilang pekerjaan dan terpaksa pula berdepan dengan masa depan tidak menentu.

Tetapi kerana mereka warga berperekerti mulia, SOP itu tetap dipatuhi. Sanggup tidak keluar bekerja yang menjadi satu-satunya sumber pendapatan. Bezanya demonstran bebas melanggar SOP hanya untuk berhimpun dan membuat porak peranda, tetapi tidak menjurus faedah kepada rakyat.

Saya dan sekalian rakyat tertanya-tanya, kenapa semua isu berbangkit tidak dibincangkan di Parlimen? Bukankah Parlimen itu tempat mereka berhujah dan berbahas? Kenapa memilih untuk bersama-sama dengan anak muda tidak ketahuan di jalan raya?

Demikianlah kepelikan di negara kita yang mencalarkan bandar raya Kuala Lumpur.

Saya tidak ada pengalaman melihat sendiri perhimpunan

kebangkitan pelajar beberapa universiti awam tahun 1974 dulu. Sebaliknya hanya mendapat maklumat daripada pembacaan dan berbual dengan mereka yang berada dalam adegan perhimpunan berkenaan.

Bagaimanapun mendengar cerita daripada individu tertentu atau membaca surat khabar tidak terlepas daripada manipulasi. Banyak sangat yang berkepentingan dengan perhimpunan itu. Hal yang demikian tentulah tidak sama dengan berada sendiri di tengah-tengah peristiwa.

Selepas kebangkitan pelajar tahun 1974, tidak ada lagi perhimpunan haram di Kuala Lumpur. Saya tidak pernah melihat perhimpunan di Kuala Lumpur sejak datang merantau tahun 1984. Kuala Lumpur aman tanpa gangguan terancang oleh demonstran.

Keadaan tenang di Kuala Lumpur berakhir pada 1998 apabila Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Sebaik sahaja berita itu pecah di media, Kuala Lumpur pun kembali diserupat perhimpunan haram.

Bukan sekali tetapi berkali-kali hingga tidak terbilang jumlahnya. Perhimpunan itu seolah-olah kesinambungan daripada tahun 1974 dulu.

Saya berpeluang menyaksikan sendiri perhimpunan dan perarakan reformasi dari kompleks membeli-belah Sogo melalui Jalan Tuanku Abdul Rahman berakhir di Masjid Negara. Para penyokong dan demonstran menyanyikan lagu-lagu patriotik dan Jalan Tuanku Abdul Rahman penuh

“*Selepas kebangkitan pelajar tahun 1974, tidak ada lagi perhimpunan haram di Kuala Lumpur. Saya tidak pernah melihat perhimpunan di Kuala Lumpur sejak datang merantau tahun 1984. Kuala Lumpur aman tanpa gangguan terancang oleh demonstran.*

dengan manusia bersorak sorai.

Perarakan ini diadakan secara terancang pada setiap petang Sabtu. Sekitar kawasan itu menjadi gegak gempita dengan hon kenderaan dan tempik sorak. Lori-lori FRU yang berwarna merah saga berderet sepanjang di Jalan Raja.

Pegawai dan anggota FRU bertungkus lumus menyurai meriam air dan rotan sebesar kelingking dilibas kiri dan kanan.

Itulah kali pertama saya menyaksikan dari dekat perhimpunan dan perarakan haram di Kuala Lumpur. Diadakan hingga beberapa minggu dan seolah-olah menjadi acara mingguan di tengah Kuala Lumpur.

Sebenarnya saya tidak tahu matlamat pihak yang menganjurkan perhimpunan ini. Anwar bukan dipecat oleh orang di Jalan Tuanku Abdul Rahman, tetapi mengikut lunas undang-undang.

Saya berdiri di tepi kaki lima dan melihat gelagat penyokong yang seolah-olah ‘panglima perang’. Tetapi mereka inilah juga yang awal-awal lagi bercempaka menyelamatkan diri apabila FRU melibas rotan. Baru rotan sebesar kelingking pun sudah gelabah. Inilah antara adegan yang sempat dirakam dalam ingatan.

Dari kaki lima juga saya melihat orang ramai mudah diheret sentimennya terhadap sesuatu yang tidak diketahui dengan tepat.

Pengalaman berada di tengah-tengah jerit marah itu sebenarnya suatu yang sangat berharga kepada saya. Manipulasi sentimen umum berlaku tanpa sedar dan perhimpunan semakin menjadi senama dengan Kuala Lumpur.

Peniaga-peniaga di pasar malam di belakang deretan kedai Jalan Tuanku Abdul Rahman menerima tempias

yang bukan kecil. Sebelum diadakan perhimpunan secara mingguan itu, orang ramai bebas datang ke pasar malam. Tetapi apabila perhimpunan serentak dengan pasar malam, jumlah pengunjung hilang mendadak.

Aliran kehadiran pengunjung terganggu. Barangkali mereka mengelak suasana yang tidak menentu, apa lagi dengan jumlah demonstran yang begitu banyak. Jalan Tuanku Abdul Rahman tidak ditutup, bagaimanapun kenderaan bergerak perlahan macam sifut babi kerana perarakan menguasai seluruh jalan.

Khabarnya mereka keluar beramai-ramai untuk memperjuangkan keadilan kepada pemimpin yang disokong. Tetapi masa yang sama mereka lupa keadilan kepada peniaga-peniaga malam yang kehilangan pelanggan.

Apabila tidak ada pelanggan mereka kehilangan pendapatan. Siapa yang memperjuangkan keadilan untuk mereka?

Disebabkan terlalu kerap berlaku perhimpunan haram, warga Kuala Lumpur pun sudah mulai menerima hakikat hidup dalam normal baru.

Mereka mulai belajar hidup dalam halangan yang dicetuskan oleh perhimpunan haram. Ada bermacam-macam perhimpunan. Ada baju kuning, baju ungu dan macam-macam warna lagi seperti pelangi.



BULAN DI ATAS SEBUAH KOTA

Pejal batu yang dibina tangan manusia upahan menjadi sejuta harapan ketika cermin dibalut cahaya.

Malam menjadi mimpi tergantung dalam diam bersama sebutir bulan yang menembus setiap lorong setiap permukaan.

Sedang esoknya bahang kota tidak berundur --- selain membakar garing setiap manusia.

Di antara dua saku cerita siang disembunyikan dalam kegelapan kerana perlumba hidup tiada henti --- selain menemuinya Kembali saat bulan dibunuh matahari.

Zulkifli Mohamed
Kemaman, Terengganu

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Jangan dijual beli lesen bazar Ramadan

BULAN Ramadan menjengah kembali. Insya-Allah umat Islam di Malaysia dijangka mula berpuasa pada hari Ahad 3 April. Memang pantas masa berlalu. Rasanya baharu sahaja berpuasa dan berhari raya, kini ia datang kembali.

Bulan Ramadan bulan mulia bukan sahaja dinantikan oleh seluruh umat Islam, tetapi turut dinantikan oleh golongan peniaga dan penjaja di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan—Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Pada bulan ini mereka berpeluang mencari rezeki untuk menambah sumber pendapatan dengan berniaga di bazar Ramadan. Pulangannya kerap kali begitu memuaskan, melebihi pendapatan berniaga pada hari-hari biasa.

Ketika Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) akibat COVID-19, tradisi tahunan ini terhenti. Apakan daya, dalam suasana pandemik COVID-19, keselamatan orang ramai lebih diutamakan.

Alhamdulillah tahun ini bazar Ramadan kembali beroperasi. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, sudah memberi jaminan tiada lagi PKP akan dilaksanakan, tiada lagi sektor ekonomi ditutup. Pasar Ramadan juga akan kembali.

Sehubungan itu bermakna tahun ini *Insya-Allah* semua akan berpeluang menyambut hari raya dalam keadaan lebih bebas. Yang rindu menyambut Aidilfitri di desa boleh balik ke kampung halaman masing-masing setelah dua musim hari raya hanya disambut di rumah bersama kaum keluarga sendiri.

Setiap tahun permohonan mendapatkan lesen berniaga bazar Ramadan kian bertambah. Sambutan memang menggalakkan. Malah sering kali permintaan lebih jauh daripada jumlah lesen yang ditawarkan. Kerana itu ramai yang kecewa gagal memperoleh lesen.

Adi percaya keadaan sama berlaku tahun ini. Pasti ramai akan bersaing mendapatkan lesen bagi menjual sama ada barang makanan dan minuman untuk juadah berbuka puasa atau keperluan lain seperti kuih-muih dan pakaian sebagai persiapan hari raya.

Ramai yang terjejas akibat pandemik COVID-19 juga mencuba nasib. Untuk itu mungkin pihak berkuasa tempatan, misalnya DBKL di Kuala Lumpur, boleh menambah jumlah tapak bazar di kawasan tertentu agar lebih ramai berpeluang berniaga atau membuka lebih banyak tapak bazar.

Sememangnya perniagaan dalam tempoh sebulan, walau



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim memberi amaran keras, lesen berniaga hanya untuk peniaga yang namanya tertera di atas lesen, tidak boleh dijual atau pindah milik kepada orang lain.

pun hanya sekali dalam setahun, menjanjikan pulangan lumayan, tambahan di bazar popular seperti di Lorong Tuanku Abdul Rahman dan Kampung Baru yang sejak dahulu sudah sinonim dengan orang ramai.

Namun satu perkara tidak menyenangkan kerap kali berlaku setiap tahun ialah kegiatan mencari untung atas angin oleh segelintir pemohon.

Setelah berjaya memperoleh lesen, mereka menyewakan atau menjual lesen kepada orang lain. Senang, tidak perlu bersusah payah tetapi duit tetap masuk.

Perbuatan ini sangat tidak bertanggungjawab dan menjelaskan peluang mereka yang benar-benar jujur ingin berniaga.

Ini biasanya berlaku apabila ada orang perseorangan, atau orang tengah dan kartel bersikap tamak mengaut lesen dan menyewakkannya dengan harga ribuan ringgit kepada peniaga.

Peniaga pula sedia membayar kerana ingin berniaga. Begitu

tinggi jumlah yang terpaksa mereka bayar sementara yang menyewakan berpeluk tubuh mengaut wang.

Namun awas pada tahun ini. Ingatan kepada mereka yang ingin memohon lesen.

Permohonan dipantau dengan teliti untuk memastikan hanya pemohon yang layak diberi lesen. Mereka juga mesti mengusahakan sendiri gerai di tapak bazar. Jangan sekali-kali cuba menjual atau menyewakan lesen kepada orang lain.

Pihak berkuasa seperti Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memastikan kegiatan menyewa atas angin ini dibendung daripada berterusan.

Perkara ini ditegaskan sendiri oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim. Beliau mahu kegiatan orang tengah dibanteras dengan membuka seluas-luasnya peluang memohon lesen kepada peniaga yang layak. Dengan itu lebih

“ Setiap tahun permohonan mendapatkan lesen berniaga bazar Ramadan kian bertambah. Sambutan memang menggalakkan. Malah sering kali permintaan lebih jauh daripada jumlah lesen yang ditawarkan. Kerana itu ramai yang kecewa gagal memperoleh lesen.

ramai mereka yang jujur untuk berniaga akan mendapat peluang.

Bagaimanapun mereka ini mestilah benar-benar serius dan ikhlas untuk berniaga, bukan ada muslihat memperoleh lesen dengan niat untuk menyewakan.

Menyedari kemungkinan seperti ini mungkin masih akan berlaku, Shahidan memberi amaran keras, lesen berniaga hanya untuk peniaga yang namanya tertera di atas lesen, tidak boleh dijual atau pindah milik kepada orang lain.

Jika ingkar, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang didapati menjual lesen untuk mencari keuntungan segera. Jangan menyesal nanti jika ini menimpah peniaga yang tidak amanah.

Langkah tegas ini pada hemat Adi, mampu menutup ruang kepada orang perseorangan atau orang tengah mengaut dan kemudian menjual lesen.

Sasarannya untuk membantu peniaga di Wilayah Persekutuan, terutama yang terjejas pendapatan akibat COVID-19, mesti dicapai.

Sehubungan itu, Adi ingin syorkan kepada pihak berkuasa seperti DBKL melakukan pemantauan berterusan di bazar Ramadan. Sesiapa yang didapati tidak mengusahakan sendiri bazar, tarik balik lesen mereka serta-merta. Berikan kepada yang memerlukan dan masih dalam senarai menunggu.

Tindakan tegas ini wajar sebagai pengajaran kepada mereka yang menyalahgunakan kemudahan diberi, di samping ingatan kepada yang lain untuk tidak melakukan kesalahan sama.

Dalam pada itu Adi ingin mengingatkan peniaga bazar dan orang ramai, walaupun Malaysia memasuki fasa endemik COVID-19 mulai 1 April, prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka masih berkuat kuasa.

Oleh itu patuhilah SOP demi keselamatan peniaga dan pengunjung bazar. Jangan sampai bazar Ramadan menjadi lokasi jangkitan COVID-19. Nanti wujud pula ‘kluster bazar Ramadan’ sehingga bazar ditutup.

Pergilah sekadar waktu singkat serta membeli mana yang perlu. Selepas itu segeralah kembali ke rumah.

Jangan rambang mata. Semakin singkat di bazar, semakin kecil peluang untuk dijangkiti atau menyebar COVID-19 kepada orang lain.

Kepada mereka yang berjaya berjaya menjual kuih muih dan makana berbuka puasa, pastikan makana dimasak segar, bersih, enak dan selamat dimakan.

Memang diketahui bazar Ramadan pilihan utama orang ramai mencari makana dan minuman untuk berbuka puasa selepas penat bekerja.

Tambahan banyak pilihan terdapat di sana. Bazar popular seperti Jalan Raja Alang, Wangsa Maju, adalah antara yang menjadi tumpuan di ibu kota.

Bagi yang menjual kuih-muih atau biscuit raya, atau menjual pakaian raya, pastikan semua barang yang dijual juga berkualiti.

Jangan mengambil kesempatan daripada ramai pengunjung untuk menjual barang ‘tangkap muat’.

Bahan jualan mesti bagus dan memenuhi cita rasa pengunjung. Jika tidak, maka sekali sahajalah pengunjung datang. Selepas itu mereka akan hanya lalu di depan gerai tanpa singgah. Sedih kan!

Negara sedang melalui perubahan monsun sejak Februari lalu dijangka hingga Mei tahun ini.

Kerana itu berhati-hatilah berniaga atau membeli dalam suasana hujan dan ribut petir kini. Jangan sampai peniaga dan pengunjung ditimpah kesusahan.

Adi—Sekali sekala ke bazar

SKETSA



SAJAK

KOPI PILIHAN RAYA
(saat meraikan kemenangan)

kopipun telah tersedia cawan dan piring telur terbuka yang terlupa hanyalah gulanya --- telah habis tak tersisa dibagi-bahagikan semaunya buat menghilangkan mimpi pahitnya.

jangan bimbang nanti kita usahakan lagi biarpun bukan hari ini --- meski tanpa gula hiruplah enaknya kopi dalam rahsia pahitnya seperti hari-hari sebelumnya.

Ghazali Sulong
Rantau Panjang, Kelantan

Bantu promosi Wilayah Persekutuan

Wilayahku terima anugerah pelancongan

AZLAN ZAMBRY

A KHBAR Wilayahku, anak syarikat milik pernah Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memenangi anugerah *Tourism Recovery Champion Award* bagi kategori Media dan Perhubungan Awam di atas usaha mempromosikan tempat-tempat pelancongan ketika negara berada di dalam pandemik COVID-19.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, anugerah tersebut merupakan kejayaan di atas usaha bersepudu dari semua pasukan editorial untuk mempromosikan industri pelancongan yang terjejas.

"Sumbangan kita adalah untuk membantu hebatan kepada orang awam serta menggalakkan pelancongan domestik dan membantu mencerdaskan sektor ekonomi yang sebelum ini terjejas disebabkan pandemik COVID-19," katanya kepada *Wilayahku* selepas Majlis Penyampaian *Tourism Recovery Champion Award* 2022 di Asia e Universiti pada Isnin.

Anugerah tersebut disampai-



ZAIZALNIZAM (dua dari kanan) menerima anugerah *Tourism Recovery Champion Award* 2022 di atas usaha mempromosikan dan menggalakkan pelancongan domestik pada Isnin.

kan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Asia e Universiti, Prof Datuk Dr Ansary Ahmad dan turut dihadiri Presiden Majlis Pelancongan Malaysia (MTC), Uzaidi Udanis.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perlادangan dan Komoditi Negeri Pahang, Datuk Seri Mohd Sharfar

Shamsudin, Pengurus Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB), Datuk Noorul Arifin Abdul Majeed dan Pengurus Besar Akhbar *Wilayahku*, Azlan Abdul Aziz.

Menjelas lanjut, Zaizalnizam berkata, peranan yang dimainkan oleh akhbar *Wilayahku* berkesan dan ia diterima semua pihak termasuk pembaca serta pe-

main industri.

"Dengan anugerah ini membuktikan ia diterima di peringkat pemain industri dan pembaca. Ini bermaksud, *Wilayahku* diterima semua pihak.

"Ini membuktikan pelaporan berita sangat berkesan dan mempunyai impak dalam memberikan maklumat dan hebahan yang tepat," katanya.

Menurut Zaizalnizam, meskipun akhbar *Wilayahku* merupakan platform untuk menyampaikan maklumat, ia turut memberikan ruang kepada pemain industri, peniaga kecil dan semua pihak berkepentingan untuk memperoleh manfaat daripadanya.

"Ia terutama untuk mempromosi barang, memperkenalkan produk, dan juga memberikan ruang kepada semua pihak untuk menengahkan sesuatu perkara atau perniagaan kepada orang ramai.

"Akhbar *Wilayahku* ini wajar untuk diperluaskan supaya ia diterima di seluruh negara," katanya.

Ujarnya, peranan yang dimainkan akhbar *Wilayahku* perlu diperluaskan dan ia menunjukkan kebersamaan dengan masyarakat di Wilayah Persekutuan, pemain in-



ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000

Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852



Wilayahku

WhatsApp

WhatsApp : 011-5958 7489

dustri dan pembaca.

"Akhbar *Wilayahku* ini menunjukkan wajah sebenar kehidupan rakyat dan sosioekonomi di Wilayah Persekutuan. Jenama *Wilayahku* ini telah berjaya menembusi pemikiran pembaca dan pemain industri.

"Ia juga telah berjaya membentuk *sense of belonging* dalam kalangan pembaca dan kita turut menyediakan ruang dan juga nilai yang baik untuk semua pihak," katanya. **WK**

Megah Port Management salur bantuan baik pulih jambatan usang

MEMAHAMI dengan keadaan jambatan usang di rumah Saniah Abd Rahman di Kampung Patau-Patau Dua sejak beberapa tahun lalu, Megah Port Management Sdn Bhd menyalurkan peruntukan bagi membaik pulih jambatan berkenaan.

Inisiatif itu merupakan salah satu usaha Pengurus Perbadanan Labuan, **Datuk Seri Amir Hussien** bersama Megah Port Management Sdn Bhd.

Beliau berkata, kerjasama di antara pihak syarikat swasta amat diperlukan untuk membantu ser-

ta menjaga kebajikan masyarakat di pulau ini menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kita harap selepas ini lebih banyak lagi syarikat-syarikat swasta tampil bagi membantu agar masyarakat yang menghadapi kesusahan dapat dibantu dengan kadar segera," katanya kepada *Wilayahku* selepas merasmikan simbolik naik taraf jambatan di Kampung Patau-Patau Dua, baru-baru ini.

Amir turut menzahirkan penghargaan kepada syarikat Megah

Port Management di atas kerjasama dan sumbangan yang telah dihulurkan.

Sementara itu, Pegawai Pengurusan Megah Port Management, Chi On Keong memaklumkan kerja-kerja naik taraf jambatan sepanjang 13.5 meter itu yang membabitkan peruntukan sejumlah RM18,000 telah siap sepenuhnya pada awal Mac lalu.

"Ini adalah tanggungjawab sosial korporat kami bersama Perbadanan Labuan bagi membantu membaik pulih jambatan ini," katanya. **WK**



JAMBATAN sepanjang 13.5 meter telah siap dinaik taraf atas sumbangan syarikat Megah Port Management Sdn Bhd.



AMIR (dua dari kiri) bersama pegawai Megah Port Management, Ketua Kampung dan wakil ketua rumah pada Majlis Simbolik Perasmian Jambatan Baharu yang telah siap dinaik taraf.

PEMBAYARAN FASA 1 BANTUAN KELUARGA MALAYSIA

- Inisiatif bantuan tunai seperti diumumkan dalam Belanjawan 2022 yang:
- Manfaatkan golongan B40
- Melibatkan peruntukan hampir RM2 bilion
- Akan dibayar berperingkat dari 28 Mac - 8 April 2022
- Bayaran RM100 - RM300 berdasarkan kelayakan penerima
- Meringankan beban kewangan rakyat terutamanya dalam menyambut bulan Ramadhan
- Terdapat 8.6 juta penerima terdiri daripada:
 - 4 juta isi rumah
 - 1.2 juta warga emas bujang / tidak pasangan
 - 3.4 juta orang bujang

- PEMBAYARAN
 - Dikredit tenas ke akaun bank
 - Bagi penerima tanpa akaun bank:
 - Bayaran bermula 30 Mac 2022
 - Melalui Bank Simpanan Nasional (BSN)
- KELULUSAN
 - Semak status dari 28 Mac di <https://bkm.hasil.gov.my>
- RAYUAN
 - Bermula 2 Mei 2022 selama sebulan
 - LHDN akan menyemak semula dokumen pemohon

Sumber: Portal Menteri Untuk Semua Buletin Kekal | Ditadbirkan 20 Mac 2022 | Integrasi Brunei

REALITI KEHIDUPAN



25 - 31 MAC 2022 . BIL 159

Wilayah Ku

Jangan jadikan **RAMADAN** bulan pembaziran

BULAN Ramadan merupakan bulan suci yang dinantikan umat Islam pada setiap tahun di mana iaanya melatih setiap insan untuk mengawal hawa nafsu dan sentiasa berlumba dalam melakukan amal ibadat dan kebajikan.

Ironinya, sejak akhir-akhir ini, pengusaha hotel mahupun restoran berlumba-lumba menawarkan menu khas bufet berbuka puasa masing-masing yang menawarkan berbagai jenis sajian dengan harga premium. Biasanya dicaj dengan harga lebih RM50 sehingga RM150 setiap orang.

Bayangkan jika satu keluarga empat orang jika RM50 sudah jadi RM200 untuk sekali berbuka

puasa, persoalannya bukankah itu bertentangan dengan hikmah Ramadan itu yang mahu umat Islam lebih mengawal hawa nafsu dan merasai kesusahan orang miskin?

Itu baru satu bab, bagaimana pula dengan pembaziran makanan pada setiap bufet yang tidak habis? Kos bahan makanan yang naik harga setiap kali bulan Ramadan kerana pengusaha hotel dan restoran berbintang yang membeli borong sehingga menyebabkan jumlah bahan mentah tidak mencukupi dan harga perlu dinaikkan?

BERSAMBUNG DI MUKA 10,11



Bazir 15,000 tan metrik makanan sehari



DIANA AMIR

DARI MUKA 9

Menurut laporan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), pada tahun 2018 (sebelum pandemik) rakyat di negara ini membuang 15,000 tan metrik makanan sehari dan 3,000 tan metrik daripadanya adalah makanan yang masih elok dan tidak sepatutnya dibuang.

Promosi demi promosi dalam kalangan pengusaha hotel untuk menarik para pelanggan menjadikannya sebagai satu perlumbaan. Dalam kalangan pengunjung pula, tempahan dan nilai yang tertinggi seolah-olah menjadi penentu kelas dan darjat masyarakat.

Konsep berbuka dengan buah tamar dan air seolah-olah telah luput dan pupus. Malah, kehebatan berhidangan pula menjadi tumpuan dan pastinya tiada sesiapa yang mampu menjamah kesemua hidangan yang ditawarkan. Paling malang ialah apabila akhirnya ia hanya menjadi pembaziran semata.

Menurut Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** umat Islam seharusnya bermuhasabah diri dengan mendalami erti sebenar Ramadan.

"Kita perlu tahu tentang matlamat sebenar apabila memasuki bulan suci ini jika ianya hanyalah sekadar untuk makan dan minum secara mewah maka rugi lah."



RAMADAN untuk mendidik jiwa agar dijauhkan daripada segala bentuk pembaziran.



BUKAN sahaja pengguna perlu bijak dalam mengelakkan pembaziran namun pihak hotel juga perlu memainkan peranan.

"Adalah lebih manis jika umat Islam membudayakan amalan baik sepanjang bulan Ramadan ini seperti tidak melakukan pembaziran, makan secara sihat dan sebagainya," ujarnya yang menegaskan isu pembaziran antara topik utama apabila memasuki bulan Ramadan.

Nadzim berkata bukan sahaja pengguna perlu bijak dalam mengelakkan pembaziran namun pihak hotel juga perlu memainkan peranan.

"Untuk mengadakan buffet Ramadan sama ada di hotel atau restoran, semestinya pengusaha perlu membeli bahan mentah secara pukal namun apabila hanya sebahagian daripada

pengunjung yang datang, lebihan tersebut akan terus dibuang kerana kebiasaan pihak mereka tidak akan memberikannya kepada orang awam.

"Jika kesemua pengusaha hotel dan restoran melakukan hal yang sama ianya akan memberi kesan terhadap harga bahan mentah di pasaran seterusnya menjelaskan pengguna lain," katanya sewaktu dihubungi *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, pihak kerajaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu memainkan peranan dalam mengawal pengusaha hotel dan restoran dari segi pembelian bahan mentah serta ketetapan harga buffet Ramadan.

Ujarnya berkaitan harga buffet Ramadan yang mencécah ratusan ringgit, umat Islam seharusnya mengamalkan sunnah Rasulullah di mana tidak makan secara berlebihan kerana ianya akan membuatkan kita malas untuk melakukan ibadat.

"Untuk mengubah tradisi mengunjungi buffet Ramadan ini, ia perlu bermula dari diri sendiri serta keluarga terdekat.

"Saya sarankan untuk anda sekeluarga duduk bersama-sama dan kembali muhasabah

menyebabkan beberapa barang terputus bekalan," katanya.

Dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob yang kerajaan membenarkan pengeluaran wang pencarum KWSP sehingga RM10,000 pada 20 April ini adalah dijangka orang ramai akan berbelanja lebih pada minggu-minggu akhir Ramadan dan awal Syawal ini. Pun begitu ingatlah jangan menukar bulan yang mulia kepada bulan pembaziran.

Dalam tafsir *Fi Zilal Quran*, Sayyid Qutb menerangkan bahawa Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas mentafsirkan pembaziran itu ialah berbelanja kepada tempat yang tidak wajar (secara yang tidak diharuskan oleh Allah). Justeru, boros dan berlebih-lebihan dalam berbelanja juga dianggap sebagai pembazir.

Pembaziran makanan juga tidak hanya berlaku di hotel atau restoran yang menyediakan bufet tetapi boleh juga berlaku di rumah atau di bazaar-bazaar Ramadan. Persepsi dan sikap yang akan menentukan kewajaran tindakan seseorang untuk membazir atau pun sebaliknya.

Justeru, Ramadan ini harus direbut untuk mendidik jiwa agar dijauhkan daripada segala bentuk pembaziran yang merugikan. Pembaziran akan mencacatkan keberkatan bulan Ramadan. Tidak kira lah sama ada pembaziran itu melibatkan makanan, duit, tenaga, amalan, atau pun kesihatan tubuh badan. Apa yang dibazirkan itu mempunyai bahagian untuk orang lain yang boleh diinfaqkan dan dimanfaatkan bagi memperolehi ganjaran pahala.

Ramadan merupakan saat yang terbaik untuk menanam tekad membasihi pembaziran bermula daripada diri sendiri dan keluarga, seterusnya istiqamah

untuk bulan-bulan yang akan datang.

WK




NADZIM

'Jangan salahkan pengusaha hotel sepenuhnya,' - PPHM



HAZIRAH HALIM

SETIAP kali bulan Ramadan, isu penetapan harga bufet sering terpalit dengan pengusaha-pengusaha hotel. Rata-rata masyarakat menganggap mereka 'sengaja' meletakkan harga tinggi disebabkan faktor kenaikan harga bahan mentah, ingin memulihkan kembali perniagaan akibat terjejas pandemik COVID-19 dua



SHAHARUDDIN

tahun lalu malah ada juga yang mengatakan mereka mahu mengaut keuntungan semata.

Bagaimanapun, kebanyakan pengusaha hotel menyuarakan pandangan bahawa penetapan harga pada setiap bufet Ramadan adalah bergantung kepada situasi semasa harga bahan mentah dan taraf sesebuah hotel tersebut.

Membidas mengenai tuduhan-tuduhan yang dilemparkan, Pengerusi Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (PPHM), **Shaharuddin M Saaid** berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) seharusnya memainkan peranan sewajarnya dalam mengatasi isu yang tiada kesudahan ini.

"KPDNHEP adalah pihak yang sepaututnya mengawal harga barang tetapi sehingga kini isu ini tiada kesudahan malah

berlarutan seolah-olah tiada sebarang tindakan dilakukan. Barang sudah naik berbulan-

bulan tetapi persoalannya apa tindakan efektif yang mereka telah ambil lebih-lebih lagi apabila bulan Ramadan sudah dekat sedangkan isu ini sudah berabad lamanya dibangkitkan.

"Jika pengguna atau pelanggan ingin menghentam pengusaha hotel, mereka perlu kaji dahulu apa tindakan yang telah diambil oleh pihak tersebut dalam mengatasi isu ini dan faham situasi semasa kenaikan harga barang sebelum berkata apa-apa.

"Kalau mahu bufet Ramadan tawarkan harga rendah, jadi jual lah bahan mentah rendah. Kita (PPHM) tidak boleh tetapkan atau menyelaraskan semua harga bufet kerana setiap hotel mempunyai taraf yang berbeza-beza. Misalnya, selaraskan RM150 untuk setiap hotel secara tidak langsung ia akan memberi kesan kepada hotel bertaraf empat bintang ke atas walhal ia menyajikan 200 hidangan. Jelas ternyata, ia sama sekali tidak wajar dilakukan," jelasnya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Menurut Shaharuddin,

pengunjung perlu lebih praktikal dan bersifat terbuka dalam menilai sesuatu harga barang kerana mereka bukan sahaja disajikan makanan malah keselesaan serta kepuasan.

"Pihak hotel memang hendak sediakan harga bufet berpatutan dan mesra pengguna tetapi berdasarkan taraf hotel dan kuantiti makanan yang dihidangkan kepada pelanggan. RM150 sememangnya mahal tetapi jika 200 hidangan disediakan, ia sangatlah berbaloi.

"Di samping itu, kita kena ingat di hotel bukan sahaja disajikan makanan semata malah disediakan kemudahan dan keselesaan seperti surau, pendingin hawa dan banyak lagi. Banyak aspek yang perlu dilihat, bukan kerana makanan sahaja yang menyebabkan mahal tetapi faktor-faktor lain juga," katanya.

Tambahnya, langkah terbaik

bagi mengatasi isu itu, industri hotel menyediakan *voucher* diskon berbanding harga asal kepada pelanggan yang membuat tempahan lebih awal

(*early bird*) sebagai salah satu cara pemasaran untuk menarik lebih ramai pengunjung ke hotel-hotel mereka.

Mengulas mengenai isu pembaziran, Shaharuddin menegaskan pihaknya tidak harus disalahkan 100 peratus sebaliknya ia berbalik kepada sikap pengguna itu sendiri.

"Jangan salahkan pihak hotel tentang isu ini sekiranya ia melibatkan sikap

pengguna itu sendiri. Pihak hotel hanya menyediakan bufet sahaja, takkan kita hendak halang mereka ambil berlebihan. Bila ditegur, mereka kata 'kami bayar seratus lebih, tidak mengapa ambil banyak. Kalau tidak habis buang sahaja.' Ini adalah mentaliti yang seharusnya dielakkan," katanya.

"Di pihak hotel pula, mereka tidak akan membeli dalam jumlah besar sebaliknya mengikut anggaran tempahan yang telah diperoleh lebih awal dan melebihkan sedikit kuantiti hidangan buat mereka yang datang secara *walk-in*," jelasnya.

Jelasnya lagi, setiap kali bulan Ramadan, industri perhotelan akan mengedarkan makanan bermasak kepada gelandangan dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai salah satu cara untuk mengelakkan pembaziran. **WK**



PIHAK hotel tidak dapat menghalang pelanggan mengambil makanan berlebihan.

Sediakan bekas untuk pelanggan bawa pulang

PENINGKATAN harga bufet Ramadan dan pembaziran makanan di hotel-hotel dan restoran melahirkan kebimbangan kepada masyarakat apabila kebanyakan industri perhotelan meletakkan nilai harga tinggi dan tidak selari dengan kuantiti hidangan yang disajikan.

Justeru itu, wartawan *Wilayahku* mengambil peluang mendapatkan beberapa pandangan daripada warga kota terhadap isu harga bufet Ramadan dan pembaziran makanan di hotel dan restoran sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya serta Labuan.

Ahmad Tajol Aros Abd Kadir, 54, menyarankan pihak hotel dan restoran menyediakan bekas untuk memudahkan pelanggan membawa pulang lebihan makanan.

"Kita tidak boleh nak makan banyak

sekali gus, apatah lagi dengan masa yang pendek, hendak berbuka, solat Maghrib, Isyak dan Terawih, jadi saya sarankan pihak pengusaha sediakan *packing* siap-siap untuk pelanggan bawa pulang, ini boleh elak pembaziran," ujarnya.

Menurut Ahmad Tajol, adalah tidak munasabah untuk makan sekenyang-kenyangnya serentak selepas berbuka puasa, kerana akan menyebabkan umat Islam malas untuk beribadat ekoran kekenyangan malah perbuatan tersebut tidak bagus dari sudut pandang kesihatan.

"Benarkan pelanggan bawa pulang hidangan yang dibayar sehingga puluhan ringgit itu lebih menarik orang membayar untuk bufet Ramadan," katanya.

Pekerja swasta, Dhaniyah

Suhaimi, 29, berpendapat pihak hotel mahupun restoran mempunyai hak untuk menetapkan harga bufet mengikut taraf dan kuantiti hidangan yang ditawarkan.

"Ia wajar dilaksanakan jika pengusaha hotel dan restoran menyediakan perkhidmatan dan servis terbaik setanding dengan harga yang ditawarkan misalnya meletakkan harga RM120 untuk 200



AHMAD TAJOL



DHANIYAH



NUR SYAKILLA

hidangan. Itu sangat-sangatlah berbaloi.

"Pihak hotel dan restoran juga mahukan keuntungan. Tidak wajar sama sekali sekiranya hotel bertaraf empat bintang ke atas meletakkan harga di bawah RM150 untuk hidangan yang begitu banyak dan besar. Jadi, pengguna juga harus faham keadaan mereka bukan sahaja sebagai penyedia perkhidmatan malah golongan peniaga juga," katanya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, **Nur Syakilla Amira Abdullah**, 24, mengharapkan hidangan juadah dan harga yang ditawarkan oleh pihak hotel dan restoran pada Ramadan kali ini sama seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Semenjak negara dilanda wabak COVID-19, rata-ratanya *struggle* untuk meneruskan kehidupan. Jadi, saya sarankan kepada industri ini untuk menetapkan harga bersesuaian supaya setiap golongan masyarakat Malaysia dapat menikmatinya," jelas guru tadika ini. **WK**



Menyelami denyut nadi penjaja kota

Foto: FACEBOOK PEJABAT MENTERI

MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim diiringi Pegawai Tinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Datuk Muhammad Abdullah hadir untuk melawat beberapa lokasi gerai yang terbakar di Pasar Keramat baru-baru ini.

Shahidan turut mengadakan perjumpaan bersama penjaja-penjaja bagi membincangkan isu kebakaran serta masalah yang dialami oleh penjaja serta peniaga kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selesai perbincangan serta lawatan di Pasar Keramat, Shahidan meluangkan masa melawat Pasar Jalan Raja Bot bagi meninjau persiapan oleh peniaga menjelang bulan Ramadan yang bakal menjelma. **WK**



SESI tinjauan persiapan menjelang Ramadan di Pasar Jalan Raja Bot bersama Shahidan (kanan).



SHAHIDAN (tengah) bersama Pegawai Tinggi DBKL dan Presiden Penjaja Kecil meninjau gerai yang terbakar di Pasar Keramat.



PENIAGA di Pasar Jalan Raja Bot sempat 'mengadu hal' kepada Shahidan baru-baru ini.



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah (kiri) turut bersama melakukan aktiviti 'plogging' pada hari Ahad yang lalu.



PESERTA bergambar bersama Duta Sweden, Norway dan Finland di hadapan Pusat SDG Kuala Lumpur.

Mencintaimu Kuala Lumpur



AMIN FARIJ HASAN

LANDSKAP Kuala Lumpur yang indah, moden, padat dan sibuk pasti tidak akan menarik jika sampah seperti puntung rokok, botol minuman, plastik dan kotak bungkus makanan dibuang merata di tepi jalan dan kaki lima pejalan kaki.

Pada hari Ahad yang lalu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri

Mahadi Che Ngah, bersama-sama Duta Besar Sweden ke Malaysia, Dr Joachim Begstrom, Duta Besar Norway ke Malaysia, Morten Paulsen dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan Finland, Eero Vaisanen, telah meluangkan masa melakukan aktiviti berjalan kaki sambil mengutip sampah (*plogging*) di sekitar Jalan Raja Laut, Jalan Tunku Abdul Rahman dan *River of Life*.

Aktiviti ini dimeriahkan lagi dengan penyertaan seramai lebih kurang 100 orang yang terdiri daripada pengarah-pengarah jabatan dalaman Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) termasuk kakitangan dari pelbagai jabatan dan peringkat DBKL, Alam Flora dan SWCorp yang turut serta melakukan '*plogging*' dengan berjalan kaki sejauh tiga kilometer.

Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah bagi memastikan bandar raya Kuala Lumpur sentiasa kekal bersih dan indah selari dengan matlamat DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia. **W.K**



PARA peserta aktiviti 'plogging' bergambar bersama wakil kedutaan negara-negara Nordik selepas menyelesaikan misi selama hampir tiga jam.



SENAMAN ringan dilakukan sebelum memulakan aktiviti 'plogging' bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur.

MEDIA WARDA KOTA
VIDEO muzik
Ku Ikhlasan
mengisahkan
kehidupan
peribadi Vida.

"Video muzik Ku Ikhlasan saham akhirat saya" - Vida



DEEL ANJER

USAHAWAN terkenal Datuk Seri Vida kembali hangat diperkatakan menerusi lagu dan video muzik Ku Ikhlasan yang dilancarkan secara rasmi pada jam 3 pagi, 21 Mac lalu.

Sebelumnya Vida, atau nama sebenarnya Hasmiza Othman terlebih dahulu muncul dengan mekap pelik pada program Big Stage 2022 hingga mendapat kecaman dan kritikan dalam kalangan netizen.

Bagaimanapun, Vida yang sememangnya kalis kecaman menjelaskan penampilan itu adalah 'teaser' bagi video muzik lagu Ku Ikhlasan.

Berkongsi mengenai lagu ciptaan Amy Ukeys dan bersama Vida sendiri, penyanyi

lagu I Am Me ini berkata, Ku Ikhlasan bukan sekadar luahan kisah peribadi.

"Lagu ini bukan sekadar kisah peribadi, tapi sarat dengan emosi duka lara yang dialami saya. Dalam lagu ini saya mahu menyampaikan keperitan, kehilangan, kecaman bertubi yang saya hadapi selama ini."

"Bayangkan selama ini sekecil perkara membabitkan diri saya diambil kira dan diperbesarkan hingga tular malah ada yang mencetuskan kontroversi. Pendek kata, sebesar hama pun diambil kira," katanya kepada Wilayahku.

Sama seperti lagu sebelumnya, lagu Ku Ikhlasan yang diedarkan oleh syarikat rakaman 17 Eleven Music itu

hadir dengan video muzik yang penuh warna, emosi, unik dan tentu saja elemen tular.

Video muzik yang dimuat naik di saluran YouTube DSV Entertainment itu mencecah lebih sejuta tontonan dalam tempoh sehari.

Video muzik yang mendapat sentuhan pengarah Kel Wen itu menelan kos RM400,000 dan menjalani penggambaran selama lima hari di sekitar Kuala Lumpur dan Genting Highlands.

Menurut Vida, pembikinan lagu dan video muzik itu adalah satu usaha untuknya mengumpul dana bagi menyiapkan Pusat Tahfiz & Syahadah Al Zikri Wa Zuhdie di Meru, Ipoh, Perak miliknya. "Lagu Ku Ikhlasan dan

video muzik ini sebagai saham akhirat saya dalam menyiapkan Pusat Tahfiz & Syahadah selain ingin menyalurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

" Ditambah pula kita tidak lama lagi bakal menyambut bulan Ramadan, jadi saya kira ini peluang untuk kita menambah dan mendapatkan pahala berganda sekali gus diberkat Allah SWT.

" Selepas menghayati lagu dan menonton MV ini, besar harapan agar orang ramai, peminat dan sesiapa saja dapat menderma supaya tercapai segera hasrat saham ilmu dan amal kebaikan ini," tambahnya

lagi. Bagi yang ingin membantu,

sumbangan boleh dibuat ke nombor akaun **5080 2100 2954** (Maybank) atas nama DARUL TAHFIZ DS VIDA. **Wk**



Nabila luah kisah putus cinta dalam novel

SELEPAS lima bulan melancarkan single Putus, penyanyi Nabila Razali meluahkan rasa syukur apabila lagu terbaharunya itu menerima respon positif peminat dan sering dimainkan di corong-corong radio.

Bagi meneruskan kesinambungan lagu Putus, Nabila telah melancarkan novel berjudul Kerana Cinta Itu Ada yang ditulis oleh novelis popular Sophilea.

Bercakap tentang idea bagi menghasilkan novel ini, Nabila atau nama sebenarnya Nur Nabila Mohd Razali, 29, berkata, dia menyedari jalan cerita lagu Putus menarik untuk dikembangkan kepada sebuah naskhah novel.

"Bagi saya lagu Putus mempunyai jalan cerita yang menarik iaitu tentang seorang gadis yang nekad untuk mengakhiri hubungannya dengan kekasih yang tetap melukainya walaupun telah diberikan peluang kedua.

"Banyak lagi yang saya ingin ceritakan dalam lagu namun ia terbatas. Jadi saya ambil peluang itu untuk mengembangkan lagi menjadi novel.

"Alhamdulillah saya bersyukur dapat bekerjasama dengan novelis terkenal Sophilea yang menunaikan impian saya untuk menjadikannya sebagai satu

karya hebat," ujarnya.

Selain novel, Nabila juga merancang untuk mengadaptasikan karya tersebut kepada sebuah drama selepas ini.

Novel Kerana Cinta Itu Ada diedarkan oleh Mask Team dan boleh didapati secara dalam talian bermula 14 Mac lalu dengan harga RM35 bagi Semenanjung Malaysia, manakala RM38 di Sabah dan Sarawak.

Novel ini juga bakal berada di kedai buku seluruh Malaysia dalam masa terdekat.

Kerana Cinta Itu Ada mengisahkan tentang seorang gadis bernama Nabila Aulia, graduan lulusan pengurusan perniagaan yang kini mengusahakan resort keluarganya.

Ketika bekerja di situ, Nabila Aulia (ataupun lebih mesra dipanggil, Bella) telah bertemu dengan Tengku Aisy Mateen, yang merupakan anak pemilik hotel terkemuka di Kuala Lumpur. Selepas beberapa pertemuan romantis yang tidak dijangka, membuatkan mereka berdua jatuh cinta.

Pada Bella, Aisy merupakan lelaki paling hebat yang pernah hadir dalam hidupnya. Manakala bagi Aisy, Nabila bukan hanya seorang gadis biasa tetapi bidadari yang Allah kirimkan dari syurga. Villa Paksa menjadi saksi kisah cinta mereka.

Bagaimana dengan kisah cinta mereka? Dapatkan novel Kerana Cinta Itu Ada.



KISAH lagu putus nyanyian Nabila Razali kini dalam novel.

Babak panas buka baju, "Maafkan Zul Ariffin" – Ruhainies

PELAKON Ruhainies menyifatkan permohonan maaf yang dilakukan rakan artis, Zul Ariffin susulan isu tular baru-baru ini sebagai jalan terbaik bagi menjernihkan keadaan.

Menurut **Ruhainies** atau nama sebenarnya Nur Ruhainies Farehah Zainul Ilyas, Zul seorang pelakon profesional dan sudah pasti dia sudah mendapat pengajaran daripada apa yang berlaku.

"Sebagai antara rakan artis yang rapat, saya tak mahu komen lebih-lebih. Sebab bimbang nanti ia akan disalahertikan. Cuma tidak dinafikan, saya antara yang ditanya media dan peminat mengenai isu berkenaan.

"Apa pun, orang di luar sana boleh bercakap macam-macam. Siapa yang mengenai Zul secara dekat, pasti tahu dia bagaimana orangnya. Di luar set (lakonan) dia bukanlah seperti apa yang digambarkan sesetengah pihak.

"Dia juga sahabat yang sangat baik dan tidak lokek berkongsi ilmu dalam bidang lakonan. Dia juga melayan baik semua orang. Jadi, ini pun salah satu sebab saya senang berkawan dengan Zul," katanya.

Tambah Ruhainies lagi, adalah tidak adil jika hanya tunding kesilapan kepada satu pihak saja.

"Zul sendiri sudah pun memohon maaf atas apa yang berlaku. Bukan bermaksud nak 'back up' kerana yang salah tetap salah. Cuma setiap manusia pasti tidak boleh lari dari melakukan kesilapan. Harap semua dapat maafkan Zul.

"Saya percaya, Zul selepas ini akan lebih berhati-hati dan fikir panjang untuk

menerima mana-mana tawaran selepas ini. Lebih baik untuk kita sebarkan apa yang positif dan ambil ikhtiar daripada apa telah berlaku," katanya lagi.

Ruhainies dan Zul sebelum ini pernah bergandingan menerusi drama bersiri, Wifi Sebelah Rumah yang bersiaran di Disney+ HotStar dan Akasia di TV3 Jun tahun lalu. Terdahulu, Zul Ariffin mencetuskan kontroversi apabila memuat naik video memaparkan beberapa babak panas dalam drama terbaru lakonannya berjudul Perempuan Itu di Instagram, baru-baru ini. Menerusi video terbabit, Zul dilihat melakonkan beberapa babak panas dengan pelakon baru, Siti Hariesa.



RUHAINIES berharap masyarakat maafkan Zul Ariffin.

Hotel tidak promosi Kuala Lumpur!

MUKADDIMAH

KUALA LUMPUR merupakan ibu kota Malaysia, sayangnya ia tidak dijenamakan sebagai ibu kota pelancongan utama di Asia Tenggara seperti Bangkok dan Jakarta. Ada lompong kosong antara peranan kerajaan dan pihak swasta sebagai penggerak utama untuk menarik pelancong ke bandar raya ini.

Menurut Presiden Majlis Pelancongan Malaysia (MTC) **UZAIDI UDANIS** hotel-hotel di Kuala Lumpur sendiri kurang mempromosi bandar raya ini walaupun produk untuk menarik pelancong itu banyak tersedia.

Beliau yang juga Presiden Malaysia Inbound Tourism Association (MITA) merasakan ada sesuatu yang tidak kena dan boleh dibaiki ke arah meningkatkan lagi industri pelancongan di Kuala Lumpur khususnya dan di Malaysia amnya. Ikuti sedutan temubual beliau bersama Wartawan Kanan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** dan jurugambar **AMIN FARIJ HASSAN** di pejabatnya baru-baru ini.

WILAYAHKU: Sejak penutupan sempadan dan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), industri pelancongan hampir lumpuh sepenuhnya, bolehkah tuan terangkan situasi pada waktu ini?

UZAIDI: Industri pelancongan ini bergantung kepada pergerakan. DNA perniagaan kami ini adalah menggerakkan manusia dari *point A* ke *point B* dan kalau boleh, kita minta mereka bermalam untuk berbelanja. Ini adalah mekanisme perniagaan ini. Apabila pandemik berlaku, pergerakan terhad dan tidak ada model perniagaan yang sesuai untuk kita, jadi sudah pasti impaknya sangat besar. Walaupun kita pernah mencatatkan kehadiran pelancong lebih 26 juta, ia memberikan pendapatan kepada negara lebih RM80 bilion, itu sumbangan ketiga terbesar terhadap GDP dan KDNK negara.

Jadi keseluruhan besar, sebanyak 640,000 syarikat yang terlibat dalam industri ini secara langsung dan tidak langsung. Industri ini besar dan ia termasuk restoran, kraf tangan, sektor pendidikan, sektor kesihatan dan banyak lagi. Ia satu industri yang sangat besar dan tidak memerlukan pembabitan orang tengah. Pelancong datang seterusnya berbelanja dan ia pasti ada keuntungan kepada rakyat.

WILAYAHKU: Wilayah Persekutuan kurang dipromosikan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa, mengapa?

UZAIDI: Kuala Lumpur ini merupakan *gateway* yang besar di sini dan kita kena galakkan lebih ramai pengusaha untuk memulakan inisiatif mencipta

aktiviti pelancongan. Kalau kita lihat, budaya pelancong hari ini memerlukan pengalaman yang boleh mencipta memori dan penceritaan tentang kawasan yang dilawati.

Kuala Lumpur ada bangunan tinggi seperti Menara Berkembar KLCC, Menara KL dan bangunan pencakar langit yang lain. Negara lain turut mempunyai bangunan pencakar langit seperti Dubai, keadaannya lebih kurang sama dengan Kuala Lumpur, tetapi di sana ada pebagai aktiviti seperti *waterfall fountain musical* yang diadakan setiap malam serta ia dikenakan bayaran dan mereka mampu menarik pelancong ke sana.

Sekiranya kita hendak tahu mengenai Kampung Datuk Keramat yang dikatakan wujud lebih lama dari Kampung Baru, adakah satu ruang disediakan lengkap dengan kod QR untuk mengetahui sejarah mengenai kawasan itu. Ataupun hendak membuat tempahan di restoran ternama di Kuala Lumpur ini. Saya lihat di lobi hotel ini tiada langsung informasi berkaitan dengan Kuala Lumpur.

Kalau di Putrajaya ada Floria dan

“Sekiranya kita hendak tahu mengenai Kampung Datuk Keramat yang dikatakan wujud lebih lama dari Kampung Baru, adakah satu ruang disediakan lengkap dengan kod QR untuk mengetahui sejarah mengenai kawasan itu. Ataupun hendak membuat tempahan di restoran ternama di Kuala Lumpur ini. Saya lihat di lobi hotel ini tiada langsung informasi berkaitan dengan Kuala Lumpur.”

terbaru, Putrajaya Steps. Apabila menginap di hotel, tiada informasi berkaitan perkara itu. Ia termasuk suasana dan persekitaran pelancongan tidak ada untuk menggalakkan pelancong datang. Pemain industri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu wujudkan sesuatu untuk atasi perkara ini. Berbeza dengan Phuket, semua informasi mengenai produk pelancongan walaupun ia agak tersorok turut dipamerkan di ruangan hotel.

Di Kuala Lumpur, banyak produk-produk dan warga kota sangat kreatif antaranya di Bukit Kemensah, merupakan kawasan riadah dan turut menyediakan perkhidmatan restoran makan di dalam sungai. Ia juga seperti di Bukit Nanas yang menempatkan Hutan Hujan Tropika tertua di dunia. Malangnya, ia tidak dipromosikan dengan betul. Kami di MITA cuba untuk manfaatkan dan jadikannya sebagai satu paket

supaya pelancong yang datang boleh bermalam dan berbelanja di Kuala Lumpur.

Serupa juga di Labuan yang mempunyai pantai yang sangat bersih. Ianya disusun dengan baik dan ia menjadi pusat kewangan pesisir yang terkemuka. Namun kita kurang mengambil peluang untuk mempromosikan tempat itu. Sekarang ini ada teknologi NFT (token yang tidak boleh ditukarkan), tukaran nilai mata wang dan pelbagai lagi, apa kata kita posisikan Labuan sebagai satu hab di mana *New Financing* punya *method*, semua orang di dunia boleh merujuk kepada mereka sebagai yang pertama di dunia di mana boleh memberikan dana besar dan menggalakkan pelancongan kewangan diperkenalkan di seluruh dunia.

WILAYAHKU: Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengeluarkan Protokol Kesihatan yang melarang operasi kelab malam, adakah ia akan menjelaskan pelancong asing ke Malaysia?

UZAIDI: Sebenarnya, tidak ramai pelancong-pelancong ini berkunjung ke kelab-kelab malam atau pub ini. Ianya sebagai tarikan sahaja dan pelancong tidak pergi pun.

Pasaran ini besar, apabila Perdana Menteri sebut sasaran pelancong mestilah berkualiti, apa pelancong yang kita sasarkan? Kalau kita lihat negara Costa Rica, ia satu tempat yang kecil dan mereka fokuskan kepada eco-tourism. Ikon yang ‘dijual’ adalah cicak dan katak di mana di sini banyak, malangnya kita tidak gunakan peluang itu.

Memanglah kalau kita hendak, kita akan buat bersungguh-sungguh. Sebagai contoh kasino, di tempat lain tiada kerana masing-masing ada sasaran pelancong yang

tersendiri.

Kita tidak boleh guna kaedah, apa yang negara luar ada, kita kena ada. Kita kena patuh kepada kehendak kerajaan kerana ia mungkin menggalakkan lagi rakyat yang sihat dan mengamalkan hidup berkualiti. Kalau kita lihat di Amerika, bukan sebarang boleh buka kelab malam, ada zon tertentu dan perlu berundur dan mohon kebenaran dengan Majlis Perbandaran di sana.

Dengan adanya kebudayaan kita serta elemen *eco-tourism*, rasa itu sudah mencukupi. Tidak dinafikan ada pengusaha hotel yang mahu menganjurkan kelab malam secara persendirian tetapi ia tidak semestinya pelancong datang ke sini hanya untuk berkunjung ke kelab malam dan pub.

WILAYAHKU: Meskipun kerajaan menerusi pelbagai kementerian turut membantu pengusaha produk pelancongan, ada dakwaan ia tidak mencukupi, apa komen saudara mengenai perkara ini?

UZAIDI: Sebagai pemain di dalam industri ini, ia mestilah diketuai oleh industri juga. Walaupun pihak kerajaan turut aktif membantu untuk memulihkan industri pelancongan ini, pemain industri perlu lebih proaktif. Kita tengok di Phuket dan Bali, kerajaan mereka tidak membantu industri yang terkait dengan pelancongan seperti produk batik dan kraf tangan. Tetapi mereka mampu meneruskan perniagaan dan ini yang perlu dipelajari pemain industri berkaitan untuk belajar daripada situasi di sana.

Baru-baru ini kerajaan melalui MOTAC turut memberikan satu inisiatif yang besar dan kita kena ambil peluang ini untuk mempromosikan produk pelancongan tempatan kepada pelancong asing. Kebanyakan agensi pelancongan kita mempromosikan negara luar. Kita tidak menghalang kerana ia adalah pasaran terbuka dan kita perlukan pelancong ke luar negara untuk membawa pelancong asing ke dalam negara, tetapi dengan bantuan ini, kita boleh lihat pasaran tertentu yang boleh berkembang.

Di pihak MITA turut melatih pemain industri tempatan meneroka kaedah baharu dalam memasarkan produk pelancongan di peringkat antarabangsa tanpa melalui orang tengah. Kita juga tahu, bahawa agensi pelancongan di luar juga sudah kurang relevan kerana tabiat pelancong yang mahu berurus secara terus dengan agensi tempatan, cumanya kita kena tahu cara untuk pasarkan produk kita di pasaran antarabangsa. **WK**



DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		HALF PAGE	
26cm X 33cm		26cm X 17cm	
RM7,500	RM5,500		
QUARTER PAGE		PANEL PAGE	
12cm X 17cm	26cm X 6cm	[INNER]	
RM4,500	RM4,500		

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Menara Kuala Lumpur

Berbuka puasa di awan biru

DEEL ANJER
FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN

MENYEDARI keistimewaan bulan Ramadan 1443 Hijrah yang bakal tiba tidak lama lagi, Menara Kuala Lumpur kembali mengadakan buffet Ramadan dengan konsep Sajian Nostalgia Kampungku.

Berbuka puasa di awan sambil melihat keindahan pemandangan kota metropolitan ini bermula pada 4 April di Dewan Banket Megaview, TH03, Menara Kuala Lumpur.

Konsep Sajian Nostalgia Kampungku dipilih pada tahun ini kerana bersesuaian dengan juadah yang disediakan kepada para tetamu iaitu sajian daripada pelbagai negeri di Malaysia.

Antara menu istimewa yang disediakan adalah Nasi Beriani Johor, Opor Daging Pahang, Ikan Masak Gulai Pantai Timur, Ayam Masak Lemak Cili Padi Negeri Sembilan dan pelbagai jenis sajian antarabangsa dan tempatan yang pastinya lazat dan menyelerakan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Menara Kuala Lumpur, **Ainol Shararina Sahar**, para pengunjung juga boleh mengimbau semula nostalgia masakan kampung halaman.

"Tema ini dipilih kerana pada tahun ini Menara Kuala Lumpur menyajikan pelbagai juadah negeri di Malaysia. Terdapat lebih daripada 50 sajian negeri yang pastinya akan mengimbau kembali masakan kampung halaman para pengunjung yang hadir."

"Jadi kepada yang rindukan air tangan ibu atau

keluarga di kampung, bolehlah datang ke Menara Kuala Lumpur dan nikmati juadah berbuka puasa pada tahun ini," katanya.

Ainol Shararina berkata, para



TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias (tengah) menerima cenderahati istimewa daripada Ainol Shararina (kiri) dan Datuk Zaleha, baru-baru ini.



SPAGHETTI dan pasta juga turut disediakan buat mereka yang ingin menikmati sajian selain nasi.

pengunjung akan merasai pengalaman berbeza dari tempat lain.

"Keunikan iftar di Menara Kuala Lumpur ini adalah, sambil para pengunjung berbuka puasa, mereka juga dapat menikmati keindahan panorama Kuala Lumpur dari ketinggian 288 meter pada waktu matahari terbenam sehingga malam.

"Mereka juga boleh berswafoto bersama keluarga dan sahabat dengan berlatarbelakang Menara Berkembar Petronas dan

limpahan cahaya warna-warni bangunan-bangunan di Kuala Lumpur.


"Ini merupakan satu-satunya tarikan yang sangat menarik kami tawarkan kepada para pengunjung buffet Ramadan di sini."

"Sambil menikmati juadah berbuka, para pengunjung juga dapat melihat panorama Kuala Lumpur yang sangat indah pada waktu matahari terbenam.

"Bukan itu sahaja, mereka akan dihiburkan oleh kumpulan muzik dari Menara Kuala Lumpur iaitu The Sky Band. Mereka akan membuat persembahan untuk memeriahkan suasana iftar setiap hari," tambahnya lagi.

Bagi buffet Ramadan tahun ini, Menara Kuala Lumpur menawarkan harga yang istimewa untuk seorang iaitu RM125 (dewasa) dan RM70 (kanak-kanak/warga emas) untuk hari biasa.

Manakala di hujung minggu pula harga buffet



HIDANGAN yang ditawarkan berkonsepkan Sajian Nostalgia Kampungku dari pelbagai negeri.



'ABC' juga boleh disediakan mengikut cita rasa pengunjung.



KAMBING golek antara juadah yang ditunggu-tunggu setiap kali tibanya Ramadan.

Ramadan untuk seorang adalah RM160 (dewasa) dan RM90 (kanak-kanak/warga emas).

Kemasukan adalah percuma untuk kanak-kanak berumur empat tahun dan ke bawah (sehingga empat orang sahaja) dan harga untuk kanak-kanak ke-5 dan

seterusnya adalah RM50 seorang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Menara Kuala Lumpur di talian **03-2020 5499**/layari [www.menarakl.com.my](http://menarakl.com.my), Facebook @officialmenarakl/Instagram @menarakl/Twitter @menara_kl/TikTok @menarakl. **WK**



JALALUDDIN

Jabatan Tenaga Manusia komited perkasa peranan TVET menuju IR 4.0



Ts Dr Rodzidah
Mohd Rodzi

JABATAN Tenaga Manusia (JTM) optimis memperkuatkan peranannya dalam mengangkat agenda pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Dalam pembentangan Bajet 2022, sebanyak RM 6.6 bilion telah diperuntukkan bagi pemerkasaan TVET sebagai persiapan menuju ke arah Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Ketua Pengarah JTM, **Shakib Ahmad Shakir** berkata JTM akan mengendalikan perunitkan kerajaan sebaiknya dengan memfokuskan kepada kebolehpekerjaan pelajar dan meningkatkan kesediaan kemahiran serta pengetahuan tenaga pengajar.

Menurutnya, perkembangan sektor kemahiran menghalau tuju kepada sistem pendidikan abad ke-21 (PAK21), IR 4.0, pendigitalan global, *Internet of Things* (IoT), jaringan 5G dan teknologi hijau. Justeru, keperluan transisi paradigma norma baharu dalam pembelajaran melibatkan perbelanjaan besar kepada 32 institusi JTM untuk penyelidikan keberkesaan latihan, pemantapan kurikulum, menaik taraf peralatan, jalinan strategik industri, pelaksanaan ekosistem kondusif, penstrukturkan tadbir urus dan pengurusan promosi.

Sebelum ini, Shakib menerima kunjungan hormat daripada Mr Takizawa Masahiko dari Japan International Cooperation Agency (JICA) di pejabat JTM, Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kompleks D, Putrajaya. Dalam pertemuan tersebut, telah dibincangkan kerjasama kedua-dua entiti, selain kerjasama dengan National Institute of Technology (KOSEN) di Jepun khususnya



SEBANYAK 6.6 bilion telah diperuntukkan bagi pemerkasaan TVET sebagai persiapan menuju ke arah revolusi perindustrian 4.0.

merangka strategi gabungan teknologi, inovasi, insentif dan kepakaran bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan (*market ready*).

Beliau turut mempengaruhi kunjungan Duta Besar Jepun Mr Katsuhiko Takashi dan Mdm Mami Takahashi pada 16 Februari 2022 di Japan Malaysia Institute (JMTI) Pulau Pinang. KP JTM mengulas, "Jelas sekali Duta Besar Jepun kagum dengan pencapaian kami sejak tahun 1998. JTM telah menjalankan 13 program latihan antarabangsa melibatkan 122 peserta dari 23 negara termasuk Program Latihan Negara Ketiga, Program Kerjasama Teknikal Malaysia, Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle dan ASEAN Overseas Vocational Association".

Lawatan ini juga membincangkan kerjasama yang boleh dilaksanakan antara kerajaan Jepun dan pihak JMTI dalam usaha memperkasaan TVET.

Pada 21 Februari 2022, seramai

empat pelajar Orang Asli, tiga dari Perak dan satu dari Pahang telah berdaftar di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh yang terdiri daripada suku kaum Semai, Temiar dan Jahut. Kursus yang didaftarkan adalah Teknologi Penyejkukbukan dan Penyamanan Udara dan Teknologi Fabrikasi Struktur Logam (Minyak dan Gas).

Menurut Shakib Ahmad Shakir, "JTM menyertai Program Go TVET Orang Asli manakala proses pengambilan, penghantaran dan pendaftaran melibatkan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp)".

"JTM sentiasa bergiat aktif dan menyokong program TVET seperti menyertai Karnival Kerjaya Perdana Sandakan, Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia di Johor, Perlis dan kesemua program MYFutureJobs" ujarnya.

Peristiwa musibah banjir Malaysia 2021-2022, warga JTM telah menyampaikan

bantuan keperluan harian dan membersihkan rumah penduduk setempat. Mereka juga membuat pendawaian semula rumah dan membaiki peralatan elektrik seperti peti sejuk, mesin basuh, penghawa dingin dan peralatan lain. Antara institut yang terlibat adalah JMTI, ADTEC Shah Alam, ILP Kepala Batas, ILP Jitra, ILP Nibong Tebal, ILP Seberang Prai, ILP Kuala Terengganu, ILP Pedas, ILP Kuala Langat dan ILP Kuala Lumpur.

KP JTM, Shakib Ahmad Shakir sendiri turut menyingsing lengan bersama sukarelawan yang terdiri daripada para pengajar, pelajar dan kakitangan JTM. Beliau berkata, "Kami membantu mangsa banjir di kawasan komuniti institut. Selain itu, kami turut turun ke kawasan Dengkil, Bentong dan Mentakab untuk bersama-sama dengan mangsa banjir yang terjejas dan masih bergelut mengalami kesusahan yang teruk. Nilai wadah ini diharap membentuk peribadi pelajar TVET supaya mampu berbakti dengan kemahiran

"**Justeru, keperluan transisi paradigma norma baharu dalam pembelajaran melibatkan perbelanjaan besar kepada 32 institusi JTM untuk penyelidikan keberkesaan latihan, pemantapan kurikulum, menaik taraf peralatan, jalinan strategik industri, pelaksanaan ekosistem kondusif, penstrukturkan tadbir urus dan pengurusan promosi.**

yang dimiliki".

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dibawah Rancangan Malaysia Ke-12 KSM, selain menawarkan pengajian Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan, JTM turut mengambil tindakan signifikan dengan kurikulum usahawan (pencipta kerjaya), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), TVET percuma kepada Orang Kurang Upaya (OKU), Kursus Customised dan program lain bermanfaat kepada industri dan golongan belia. Terdapat juga platform untuk pelajar mengoptimalkan bakat dengan menyertai pertandingan inovasi seperti *Virtual Skills Competition Malaysia*, *ASEAN Skills Competition*, *WorldSkills Malaysia Belia*, Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan beberapa pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**Penulis merupakan Pegawai Khas (Penyelidikan)
Jabatan Tenaga Manusia
Kementerian Sumber Manusia
Malaysia.**



KETUA Pengarah, Shakib Ahmad Shakir bersama Takizawa Masahiko.



WARGA JTM membaiki peralatan elektrik ketika peristiwa musibah banjir Malaysia 2021-2022.



LAWATAN Duta Besar Jepun ke JMTI.

Enam Komuniti Keluarga Malaysia ditubuhkan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SEBANYAK enam Komuniti Keluarga Malaysia telah ditubuhkan oleh Jabatan Penerangan (JaPen) Labuan sebagai platform kerajaan dalam penyampaian maklumat yang pantas, tepat dan mudah difahami rakyat.

Ahli Dewan Negara, **Datuk Bashir Alias** berkata, penubuhan KKM itu bertujuan adalah bagi meningkatkan kefahaman

rakyat sekali gus menangani penularan berita palsu dan maklumat tidak benar dalam kalangan masyarakat.

"Seramai enam pengurus KKM telah dilantik mengikut pecahan enam sub zon di kawasan Parlimen Labuan.

"KKM juga bertindak sebagai katalis dalam membantu memperkasakan daya saing komuniti setempat dalam bidang sosioekonomi sejajar dengan perkembangan ekonomi digital," katanya kepada pemberita selepas taklimat Penubuhan Komuniti Keluarga Malaysia di Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) di sini, ba-

ru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah JaPen Labuan Rasil Hajatil berkata, pihaknya akan sentiasa membantu KKM dalam menyebar luas dan penyampaian maklumat serta dasar kerajaan kepada rakyat.

"Kita sentiasa memberikan sokongan dan membantu KKM dalam pelbagai program-program di lapangan termasuklah dari segi nasihat dan peruntukan kewangan. Malahan, kerjasama dengan pelbagai agensi seperti Perbadanan Labuan dipertingkatkan agar membantu menyampaikan aspirasi kerajaan agar rakyat memahaminya," katanya. **WK**



BASHIR (duduk, kanan) dan Rasil (duduk, kiri) bersama-sama enam Pengurus Komuniti Keluarga Malaysia (KKM) yang telah dilantik mengikut Sub zon.



FADZLI (depan, dua dari kanan) serah cek replika sebagai simbolik penyerahan tablet kepada penerima.

MAIWP Labuan agih 405 tablet bernilai RM753,300

SEBANYAK 405 tablet diagihkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan kepada keluarga asraf dan keluarga berpendapatan rendah yang terpilih di Pulau Bebas Cukai ini.

Menurut Pengurus MAIWP Labuan, **Md Fadzli Md Saad**, agihan itu dibuat menerusi bantuan Musaadad COVID-19 MAIWP bernilai RM1,500 setiap satu membabitkan jumlah keseluruhan bantuan RM753,300.

Katanya, setiap penerima

pakej data internet selama setahun dengan kos RM30 sebulan bagi sebuah tablet.

"Dengan bantuan tablet yang diberikan dapat membantu golongan ini menghadiri pembelajaran secara dalam talian dan mengelakkan daripada berlakunya kecinciran kelas.

"Ini juga menyumbang ke arah kecemerlangan murid khususnya di kalangan anak-anak asraf dan sudah menjadi salah satu tanggungjawab MAIWP dalam membantu institusi pendidikan melahirkan murid yang cemerlang."

katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tablet kepada anak-anak asraf di Kompleks Darul Kifayah MAIWP, baru-baru ini.

Beliau berkata, agihan dilaksanakan secara berperingkat bermula 14 hingga 17 Mac 2022 di ruang legar Blok Pentadbiran, Kompleks Darul Kifayah MAIWP Labuan.

Penerima bantuan melibatkan 300 orang asraf, 33 orang murid SMA MAIWP Labuan yang terpilih dan 72 orang penghuni Kompleks Darul Kifayah MAIWP Labuan. **WK**

Pulau Rusukan Besar terima pengiktirafan sijil premis peranginan MOTAC

PULAU Rusukan Besar yang dikenali sebagai pusat peranginan yang terkenal di sini, menerima pengiktirafan Sijil Premis Penginapan Pelancong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), baru-baru ini.

Menurut Pemangku Pengarah MOTAC Labuan, **Azmi Ahmad Ross**, menerusi pengiktirafan itu, Pulau Rusukan akan dibantu oleh pihaknya dari segi bantuan kewangan, promosi dan anugerah pelancongan.

"Dengan pengiktirafan ini, kita di pihak MOTAC amat berbangga kerana Pulau Rusukan Besar merupakan satu-satunya pusat peranginan yang berlesen dibawah MOTAC," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan Sijil Premis Penginapan

Pelancong di Pulau Rusukan Besar, pada Sabtu lalu.

Sementara itu, Pengusaha Pusat Peranginan Pulau Rusukan Besar, Jeffrey Lee berkata, ketidaaan jeti khas pelancongan di sini menjadi salah satu punca kekurangan pelancong luar dan dalam datang ke pulau ini.

"Jeti khas perlu diwujudkan bagi memudahkan pelancong luar dan Labuan mendapatkan akses dan maklumat ke Pulau Rusukan.

"Kita juga berharap apabila rentas sempadan dibuka nanti akan adanya penerbangan terus daripada negeri-negeri lain seperti Penang, Johor, Kuching dan Brunei ke Labuan dan ia akan meningkatkan lagi ekonomi Labuan," katanya. **WK**



AZMI (tiga dari kanan) menyerahkan sijil premis pelancongan kepada pengusaha Pulau Rusukan Besar Jeffry (tiga dari kiri).

MUHAMMAD ALIF NORIZAN dan
DR MOHD SYUKRI ZAINAL ABIDIN

TEPAT 1 April 2022, negara bakal memasuki ke fasa peralihan endemik. Pengumuman yang dilakukan oleh YAB Perdana Menteri sangat mengujakan kesemua lapisan masyarakat.

Hanya satu sahaja prosedur operasi standard (SOP) yang akan dilaksanakan, di samping sembilan garis panduan yang akan ditetapkan nanti.

Antara perkara yang ditunggu-tunggu oleh pengikut beragama terutama Muslim dalam tempoh hampir dua tahun pandemik ialah kehidupan normal di masjid atau surau. Kesempurnaan pelaksanaan solat dapat didirikan tanpa lagi ada penjarakan fizikal.

Walau bagaimanapun, beberapa hari lagi kita akan menjengah ke bulan Ramadan. Persoalan utama yang bermain di minda bagaimanakah keadaan Ramadan yang bakal dilalui tidak lama lagi?

Adakah pesta adat akan diteruskan kembali atau dihidupkan semula, bahkan lebih meriah lagi setelah lama tidak dikecapi sebelumnya? Atau Ramadan dihayati dengan jiwa yang baharu bersesuaian perubahan landskap kehidupan?

TRANSFORMASI DIRI PASCA PANDEMIK

ALHAMDULILLAH, setakat ini varian COVID-19 yang ada tidak lagi menjadi penghalang untuk kita kembali kepada suasana normal. Namun, persoalan yang perlu kita bermuhasabah bersama, adakah semua keadaan kehidupan normal sebelum ini perlu dikembalikan semula?

Maka, skrip jawapan adalah semestinya tidak. Namun, hati manusia yang bersifat bolak-balik menyebabkan kita mungkin berubah ke takuk yang lama. Walhal antara hikmah besar yang kita peroleh dengan kehadiran

Ramadan fasa endemik sepautnya bawa perubahan



RAMADAN kali ini boleh diperbaiki dengan menghidupkan sepenuhnya hari-hari dengan pesta ibadah seperti solat terawih, iktikaf mahupun qiamullail.

COVID-19 ialah kita sebenarnya mampu dan berupaya untuk keluar dari kepompong adat lama yang membantu perkembangan serta perubahan dalam diri.

Ungkapan ‘hari ini lebih baik dari semalam’ sukar untuk diterjemahkan dalam kehidupan. Azam serta kesungguhan perlu diterapkan bagi memastikan perubahan berjaya dilakukan. Cabaran anjakan paradigma diisyaratkan oleh Ibnu Athoillah al-Sakandari yang bermaksud “Bagaimana perkara luar kebiasaan hendak berlaku terhadap engkau kerana engkau sendiri tidak menjadi luar daripada kebiasaan”.

Ujian demi ujian dan pelbagai tanda akhir zaman seperti wabak, banjir dan lain-lain menuntut kita untuk melakukan pengislahan seterusnya mencipta kebiasaan baharu dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hakikat puasa

menatjahkan ketaqwaan, bukan sekadar menuruti titah perintah Allah SWT.

NORMALISASI ADAT YANG BAHRU

KETIKA berlakunya pandemik, praktikal ibadah secara berjemaah mempunyai batasan. Solat di masjid atau surau hanya boleh didirikan dalam jawatankuasa atau dalam bilangan yang kecil sahaja. Pelaksanaan solat juga perlu dengan penjarakan fizikal, penyampaian khutbah pada hari Jumaat perlu diringkaskan dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, kehadiran Ramadan kali ini bukan sahaja orang Muslim boleh menjalankan ibadah sebagaimana biasa, namun adalah lebih diharapkan lagi masjid dan surau lebih dihidupkan dan dimakmurkan sebagai suatu bukti

kerinduan yang lama tersimpan.

Jika dahulu, jemaah melimpah ke luar masjid atau surau ketika malam pertama Ramadan untuk menunaikan solat terawih, namun bilangan tersebut semakin berkurangan menuju hari-hari terakhir. Trend ini boleh diperbaiki dengan menghidupkan sepenuhnya hari-hari dengan pesta ibadah seperti solat terawih, iktikaf mahupun qiamullail, lebih-lebih lagi di 10 akhir bulan Ramadan.

Jika dahulu, terdapat peningkatan kurang lebih 20% terhadap sisa makanan setiap kali tiba bulan Ramadan. Namun, pandemik COVID-19 mengajar kita untuk berbelanja dengan penuh berhemah. Budaya ini sangat baik untuk diteruskan bagi mengelakkan diri daripada berlebih-lebihan sehingga terbuang segala apa yang dibelanjakan.

Ekonomi negara serba sedikit terkesan akibat pandemik COVID-19. Proses keluar masuk aliran kewangan sangat digalakkan demi menyokong ekonomi negara. Namun, ini tidak bermakna kita boleh membazir dengan sesuka hati kerana ia bersalah dengan prinsip agama. Oleh yang demikian, kita perlu membeli juadah berbuka sekadar secukupnya.

Tuntasnya, marilah kita memperbaharui niat untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti dalam melaksanakan ibadah serta memperbaiki diri supaya Ramadan pada fasa endemik ini lebih baik daripada yang sebelumnya. Hal ini kerana, sikap orang beriman sentiasa bermuhasabah daripada ujian seterusnya mengambil inisiatif untuk tampil sebagai insan yang lebih baik. Rasulullah

SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa dikehendaki oleh Allah SWT kebaikan baginya, maka dia (diijui) dengan suatu musibah.

Allah SWT menginginkan kebaikan yang banyak kepada hambanya melalui ujian, maka seharusnya kita menyahut perkara tersebut dengan mengaplikasikan kebiasaan baharu pada Ramadan yang akan datang. Semuanya bermula daripada diri kita untuk mendisiplinkan diri dan terus istiqamah dalam melakukan perkara yang telah dirancang.

Kebaikan demi kebaikan perlu diterapkan dalam diri dan keluarga secara beransur-ansur. Hasil daripada demikian itu akan melahirkan masyarakat yang bersifat Rabbani dan menggapai makna serta tujuan daripada berpuasa. Madrasah Ramadan pada fasa endemik ini akan menjadi batu asas bagi nilai normatif dan tahap ibadah umat Islam yang baharu di Malaysia.

Ramadan merupakan bulan perubahan diri bagi kehidupan seterusnya. Ini bertepatan dengan kata-kata “Barangsiapa yang dua harinya (hari ini dan semalam) sama, maka dia telah merugi. Barangsiapa yang harinya lebih buruk dari hari sebelumnya, maka dia tergolong daripada orang-orang yang benci”.

Muhammad Alif Norizan merupakan pelajar tahun ketiga, dan Dr. Mohd. Syukri Zainal Abidin adalah pensyarah kanan Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Penulis boleh dihubungi di syukri1990@um.edu.my.

Doa ummah kini terjawab

MOHD GUNAWAN CHE AB AZIZ

APRIL tahun ini adalah April yang paling bermakna buat umat Islam di Malaysia. Ini bukan sahaja disebabkan tibanya Ramadan, bulan rukun Islam ketiga iaitu puasa ditunaikan, tetapi kali ini April akan bermulanya masa sukaan dan sekitan untuk memakmurkan masjid serta surau akan ditamatkan. Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob mengisyiharkan fasa peralihan negara ke endemik baru-baru ini, turut dimaklumkan bahawa masjid dan surau boleh diimarahkan tanpa perlu melakukan penjarakan fizikal serta sukanan kapasiti.

Ini adalah satu perkara yang sangat bermakna kepada umat Islam yang selama ini mereka lahir komuniti paling taat dengan segala arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikenakan. Ketika pasar raya dan stadium bersesak-sesak diasak pengunjung serta penonton, mereka yang memakmurkan rumah Allah tetap patuh dengan segala SOP ditetapkan.

Walaupun hati mereka sebenarnya menangis, apa yang mampu mereka

lakukan ialah mensyukuri sambil berdoa untuk perkara ini segera berakhiri. Apa yang penting, masjid dan surau dapat terus dimakmurkan sesempurna mungkin kerana ia adalah hidup dan jati diri hakiki umat ini sebagaimana mereka warisi daripada Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW dan sahabatnya menunjukkan dengan jelas melalui kehidupan mereka, betapa besarnya arti serta kedudukan masjid dalam kehidupan Muslimin. Masjid pada masa itu benar-benar menjadi paksi kepada putaran kehidupan harian mereka. Secara umumnya masjid telah diimarahkan 24 jam sehari dengan empat kategori amalan utama iaitu dakwah, pengajaran ilmu, ibadah dan khidmat. Bukan itu sahaja, malah untuk perkara yang kelihatan remeh pun, perhatian mereka akan tertumpu kepada masjid.

Oleh itu, adalah tidak menghairankan jika untuk urusan yang lebih besar dan penting, semuanya akan diadakan di masjid. Masjid benar-benar menjadi nukleus kehidupan mereka dan perkara ini diwariskan dari generasi ke generasi umat. Itulah sebabnya, Rasulullah SAW

memerintahkan masjid dibina di setiap penempatan yang ada. Di dalam satu hadis Riwayat Muslim, Rasulullah SAW bersabda, “Secinta-cinta tempat di sisi Allah Taala bagi sesuatu kawasan ialah masjidnya.”

Apakah ada satu perkara yang lebih mulia daripada satu perkara yang paling Allah Taala cinta? Bagi mereka yang benar-benar beriman, satu hadis ini sahaja pun sudah memadai untuk memahamkan mereka betapa pentingnya masjid dan pengimarahannya kepada umat ini.

Semoga nikmat dan sinar Ramadan yang akan tiba bersama dengan era peralihan ke endemik negara, tidak disia-sia oleh umat Islam di negara ini. Setiap lapisan ummah baik di peringkat Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam mahupun anak kariah, semuanya perlu dengan penuh kesungguhan dan keimanan, berlumba-lumba untuk mengimarahkan masjid semirip mungkin sebagaimana cara yang diwariskan oleh Rasulullah SAW kepada umat ini.

Penulis merupakan Pengurus Pertubuhan Ikatan Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah Putrajaya.



RASULULLAH SAW dan sahabatnya menunjukkan masjid benar-benar menjadi nukleus kehidupan mereka dan perkara ini diwariskan dari generasi ke generasi umat.

Bermula sebagai agen dropship Impian Azie keluar jual tudung sendiri



HAZIRAH HALIM

PENGLIBATAN golongan wanita dalam pengendalian perniagaan kian menunjukkan peningkatan berbanding kaum lelaki. Rata-ratanya memilih keusahawanan sebagai peluang emas untuk mereka bangkit menjana pendapatan sendiri di samping mencari jalan keluar daripada kesempitan hidup demi meningkatkan ekonomi keluarga.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka terutama golongan remaja dan ibu tunggal mula berjinak-jinak dalam perniagaan dengan menjual produk orang lain atau lebih dikenali sebagai *dropship*.

Usahawan di Bazar Kreatif Anak Muda Kota (UAMK), Aziah Ibrahim, 60, atau lebih mesra disapa kak Azie juga terlibat dalam urus niaga *dropship* dengan menjual pelbagai koleksi rekaan tudung daripada sebuah syarikat di Kuala Lumpur.

Menurut Azie, minat yang terlalu mendalam terhadap keusahawanan mendorong dirinya melakukan penjualan secara atas talian (*online*) ketika masih bekerja di salah sebuah syarikat di Kuala Lumpur.

"Saya memang minat berniaga sejak kecil lagi dan sering membantu mak menjual kuih ke rumah-rumah orang. Disebabkan itulah, saya mula mengembangkan diri dengan perniagaan *dropship*," katanya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi mengenai

keistimewaan tudung yang dijual, ia menggunakan fabrik kain *ironless* iaitu tidak perlu gosok dan berputat dengan harga serendah RM10 hingga RM30.

"Kebanyakan tudung di sini ialah tudung sarung dan istimewanya adalah *ironless* dan mudah dibentuk. Jadi, pelanggan tidak perlu risau pada kedutan dan sangat cepat untuk bersiap, hanya sarung sahaja."

"Selain itu, ia juga sangat selesa untuk dipakai serta tidak mudah meninggalkan kesan peluh pada tudung tersebut," jelasnya.

Tambahnya, penjualan jenama tudung baharu di pasaran menyebabkan banyak persaingan dalam kalangan pengusaha tempatan. Namun, baginya kualiti sesuatu produk akan menilai tahap cita rasa dan pembelian seseorang.

"Bagi saya, kalau kita hendak menjaga branding, quality is number one and everything dalam perniagaan. Jika anda menjual tudung murah sekali pun tetapi kualitinya tahan lama, tidak panas dan selesa untuk dipakai, orang akan datang membeli juga," jelas Azie.

Menurutnya lagi, dia sedang dalam perancangan untuk menghasilkan tudung keluaran produknya sendiri dalam masa terdekat.

"Insy Allaah, jika perniagaan ini sudah stabil dan ada sedikit modal besar, saya memiliki impian untuk mengeluarkan tudung rekaan sendiri antaranya tudung sarung, bawal dan shawl bercorak atau kosong (*plain*) sesuai dengan trend semasa dalam masa dua hingga

tiga bulan ini.

"Harapan saya pada tahun ini adalah untuk berusaha memperluaskan perniagaan *dropship* kepada orang ramai sehingga mampu mengumpul wang tambahan sebagai modal bermula untuk produk keluarannya akan datang," katanya. **WK**



ANTARA koleksi tudung bawal yang dijual oleh Azie di Bazar Kreatif UAMK, Times Square.

AZIAH IBRAHIM

Surprise Rayakult 2022 - Hadiah menarik menanti anda

SYAHIDI BAKAR

BERSEMPENA Ramadan disusuli sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi, satu promosi hebat dianjur pengeluar minuman probiotik terkemuka, Yakult (Malaysia) Sdn Bhd, menyajikan pelbagai ganjaran hadiah menarik.

Kempen Beli & Menang Surprise Rayakult 2022 diadakan sebagai usaha menyemarakkan suasana dan semangat perayaan di Malaysia, dengan para pelanggan layak menebus hadiah kotak misteri dengan pembelian 30 botol Yakult untuk menangi hadiah setiap minggu.

Pengarah Urusan Yakult Malaysia, Hiroki Yanase berkata, tema Kempen Beli & Menang Surprise Rayakult dipilih bertujuan memberi kegembiraan kepada pelanggan, setelah dua tahun tidak dapat merasai kemeriahan musim



HIROKI YANASE

perayaan.

Beliau berkata, bersempena kempen ini, Yakult memberi kejutan yang berbeza dari sebelumnya, apabila menawarkan hadiah kotak misteri untuk setiap pembelian 30 botol dan ke atas.

"Bagi setiap pembelian, pelanggan layak tebus hadiah misteri menerusi Wanita Yakult, Promoter Yakult atau imbasan kod QR yang terdapat pada iklan kempen di rak pasar raya.

"Untuk menambahkan keseronokan kempen raya kali ini, pelanggan turut berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah setiap minggu bermula 1 sehingga 30 April dengan hanya mengimbas kod QR di dalam kotak misteri dan menjawab soalan," katanya dalam kenyataan media Yakult.

Bagi menjawab soalan dikemukakan, pelanggan boleh



menonton klu dalam video yang disediakan seterusnya berpeluang menangi peralatan sajian eksklusif Le Creuset serta barang elektrik.

Sementara itu, Hiroki Yanase berkata, keterujaan menyambut perayaan bukan sahaja dirasai oleh kanak-kanak tetapi juga dinanti golongan dewasa seterusnya mendorong Yakult tampil

berkongsi kegembiraan bersama pelanggan dihargai. Katanya, menjadi harapan bagi Yakult berpeluang berkongsi kegembiraan bersama para pelanggan apabila mendapat kotak misteri Yakult, selain ada hadiah cabutan bertuah untuk dirai seperti mana keseronokan mereka menyambut Ramadan

serta meraikan Aidilfitri bersama keluarga tahun ini.

Moga dengan usaha ini, katanya, Yakult mampu memberikan kegembiraan dan keceriaan kepada semua rakyat Malaysia khususnya.

"Selain itu, kami juga ingin galakkan pelanggan dan keluarga mereka untuk minum Yakult setiap hari bagi menguatkan fungsi usus, seterusnya ia dapat membantu sistem imunisasi badan khusus di musim perayaan ketika pandemik ini."

"Sebagai pengetahuan, minuman probiotik Yakult berfungsi menguatkan usus, di mana 80 peratus sistem imun terletak di usus. Jadi setiap botol minuman Yakult mengandungi kira-kira 30 bilion bakteria probiotik Shirota strain yang berupaya hidup dan melindungi sampai ke usus," jelasnya.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen kali ini, layari laman web Yakult di www.yakult.com.my.

Riadah santai kelilingi destinasi pelancongan baharu Putrajaya



HAZIRAH HALIM

SEBAGAI tanda sokongan kepada sektor pelancongan Putrajaya sebagai sebuah bandar rekreasi, komuniti Putrajaya telah mengadakan program berbasikal di sepanjang trek laluan Putrajaya Cycling Route, pada 19 Mac (Sabtu) lalu.

Program riadah santai anjuran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 3 ini disertai oleh 100

peserta mengelilingi kawasan-kawasan di sekitar Putrajaya.

Kayuhan seawal pukul 7.30 pagi sehingga 10 pagi itu dimulakan di Laman Ixora, Padang Korban Presint 8. Seterusnya ke Tayar Golek dan turut mengelilingi bulatan Putrajaya Cycling Route yang baru sahaja dibuka.

Pengerusi MPP Sub Zon 3, **Zarina Ismail**, 52 berkata, kayuhan ini adalah kesinambungan daripada program pertama iaitu Santai Riadah Pantai Floria yang mana ia merupakan



ZARINA

inisiatif daripada pihaknya sendiri untuk membantu Unit Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam mempromosikan kawasan baharu dibuka iaitu Pantai floria dan Anjung Pit Stop.

"Selain itu, program ini juga sekali gus dapat menyemarakkan lagi hubungan silaturrahim komuniti Putrajaya melalui aktiviti riadah santai berbasikal itu.

"MPP memainkan peranan sangat penting sebagai pihak

yang bekerjasama dengan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk mempromosikan kawasan-kawasan pelancongan baharu yang sedang diperkenalkan di sini.

"Antara objektif lain juga, ia memberi manfaat kepada masyarakat untuk mengekalkan budaya bersenam dan kehidupan sihat serta mengeratkan lagi interaksi sosial di kalangan kejiranannya setempat," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Katanya, pihaknya sudah mempunyai perancangan aktiviti-aktiviti yang bakal diadakan sepanjang bulan Ramadan khusus buat warga Putrajaya.

"Insya-Allah, bulan puasa ini kita sudah merangka tujuh program antaranya kempen derma darah komuniti sihat yang mana ia merupakan kerjasama dengan Pusat Darah Negara di Puspanita dan Dewan Taman Resident Ayer 8, gotong royong surau dan banyak lagi.

"Saya juga mengharapkan komuniti Putrajaya dapat bersama-sama membantu MPP memulihkan kembali industri pelancongan Putrajaya selepas terkesan daripada Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu," jelasnya.

WK



PPj, MCMC tambah baik perkhidmatan telekomunikasi

KUALITI perkhidmatan telekomunikasi terutama dari Presint 1 hingga ke Presint 6 Putrajaya akan dipertingkatkan lagi hasil pertemuan antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan Perbadanan Putrajaya (PPj) yang diadakan baru-baru ini.

Pengarah MCMC Wilayah Persekutuan, **Alyas Roy Haji Omar** bersama rombongannya menemui Pemangku Presiden PPj, Datuk TPr Fadhlun Mak Ujud bersama pegawai pengurusan Perbadanan Putrajaya (PPj) selama lebih satu jam bagi membincangkan perkara tersebut.

"Pengurusan PPj menyambut baik tindakan proaktif MCMC dalam melaksanakan usaha ini," jelas Alyas selepas pertemuan tersebut.

Mengulas lanjut, pertemuan ini merupakan sebahagian daripada usaha Pejabat MCMC Wilayah Persekutuan untuk menjalinkan kerjasama strategik di antara kementerian-kementerian dan agensi kerajaan.

"Ia juga diadakan bagi

mendapatkan pandangan dan input berkaitan isu pembangunan telekomunikasi di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan yang merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan," jelas kenyataan tersebut.

Selain itu, perkara lain yang turut dibincangkan adalah usaha meneroka kerjasama kedua belah pihak melalui pelbagai inisiatif

yang ditawarkan oleh MCMC.

"Antara penerokaan kerjasama baharu melalui inisiatif yang ditawarkan adalah seperti Sistem Communication Infrastructure Permit Management (CIPM), Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi), Program Pemerksaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) dan sebagainya," katanya.

WK



SESI kunjungan hormat diadakan selama lebih satu jam melibatkan Pengarah MCMC, Pemangku Presiden PPj dan Pegawai Pengurusan PPj.

PERSIAPAN MENJELANG RAMADAN

- ✓ Tingkatkan Kualiti Ibadat
- ✓ Melakukan Ibadah Sampingan
- ✓ Elak Melakukan Perkara Negatif
- ✓ Kawal Perbuatan dan Perbualan
- ✓ Amalkan Berpuasa Sunat



#FestivalRamadanPutrajaya2022

#FRP2022

Facebook: Festival Ramadhan Putrajaya 2022

Instagram: Festival_Putrajaya2022

Twitter: @Festival_Putrajaya

www.festivalramadanputrajaya.com

Anugerah Sukan Negara 2019/2020 jamin tradisi pengiktirafan tertinggi

ANUGERAH Sukan Negara (ASN) 2019/2020 yang berlangsung malam Selasa amat istimewa, biarpun mungkin berbeza dari segi penganjuran demi menjamin tradisi pengiktirafan tertinggi untuk sukan tanah air.

Menteri Belia dan Sukan, **Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu** berkata ini kerana buat julung kalinya pencapaian gemilang sukan tanah air pada 2019, digabungkan bersama tahun 2020.

“Gabungan pengiktirafan dua tahun ini, jadi bukti terhadap keazaman untuk tidak membentarkan pandemik COVID-19, menghapuskan pengiktirafan terhadap memori pencapaian gemilang yang sudah terhasil,” kata Ahmad Faizal dalam ucapannya pada majlis tersebut di sini.

Majlis gilang-gemilang di sebuah bangunan hotel yang memiliki nilai warisan dan sejarah itu, diserikan dengan keberangkatan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (tengah) berkenan melihat buku lagenda sukan Malaysia pada Majlis Anugerah Sukan Negara (ASN) 2019/2020 di sebuah hotel, pada Selasa.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob.

Sementara itu, Ahmad Faizal berkata tugas menanti barisan atlet kebangsaan, tidak kurang ge-



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (tengah) berkenan melihat buku lagenda sukan Malaysia pada Majlis Anugerah Sukan Negara (ASN) 2019/2020 di sebuah hotel, pada Selasa.

tirnya bermula dengan Sukan SEA Vietnam pada Mei, Sukan Komanwel (Julai) dan temasya Sukan Asia yang dijadual pada September.

Kementerian Belia dan Sukan juga telah memastikan bahawa sektor sukan, dapat beroperasi sepenuhnya dan kegiatan riadah serta kejohanan-kejohanan utama dapat dilangsungkan.

“Meskipun dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketat, kebenaran pusat-pusat sukan, latihan dan kebenaran penganjuran kejohanan, memberikan nafas le-

ga bukan hanya kepada atlet, malah seluruh rakyat,” katanya.

ASN 2019/2020 menyaksikan jaguh berbasikal trek negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang dan atlet wushu kebangsaan Tan Cheong Min, masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan.

Atlet para memanah, S. Suresh pula dipilih sebagai Olahragawan Paralimpik Kebangsaan manakala tiada pemenang bagi kategori Olahragawati Paralimpik Kebangsaan. - BERNAMA

Atlet pelayaran Khairulnizam julang Piala Eropah

PELAYAR negara Khairulnizam Mohd Afendy muncul juara Piala Eropah EurILCA 2022 di Port de Pollenca, Sepanyol, Ahad lepas.

Pelayar dari Selangor berumur 28 tahun itu menjulang trofi acara laser lelaki ILCA7 dengan mengumpul 12 mata bersih menerusi tujuh daripada lapan perlumbaan yang dijadualkan, menurut laman web kejohanan <https://eurilca.org>.

Pelayar Argentina Agustín Vidal meraih tempat kedua dan menamatkan kejohanan dengan satu mata mendahului juara Bawah-21 Gonzalo Suarez yang mewakili kelab Sepanyol Nautico Altea, selepas lapan perlumbaan.


Awal bulan ini, Khairulnizam, yang beraksi di Olimpik London 2012, Rio 2016 dan Tokyo 2020, membawa pulang pingat perak di Kejohanan Pelayaran Asia di Abu Dhabi. - BERNAMA



KHAIRULNIZAM ketika beraksi di Piala Eropah EurILCA 2022.

Janji beri persembahan terbaik bersama tim

Haikal sasar gelaran juara SUKMA 2022



DIANA AMIR

ATLET tenpin boling Wilayah Persekutuan, Haikal Hazlan, 21, mengaku mahu meyandang gelaran juara bersama tim dalam SUKMA 2022 akan datang.

Bagi merealisasikan impian tersebut, dia kini konsisten menjalani latihan tiga kali seminggu.

“Kali ini mungkin penglibatan terakhir saya dalam SUKMA jadi saya harap tersenarai untuk kejohanan tersebut. Untuk itu, sekarang ini saya sibuk berlatih bersama Tim setiap hari Isnin, Khamis dan Ahad.

“Biasanya setiap Ahad kami ada sesi perlawanan manakala sebelah malamnya pula disambung dengan sesi latihan,” ujarnya kepada Wilayahku.

Bercerita lanjut tentang latihan, Haikal berkata dia tidak hanya mengharapkan latihan bersama tim semata-mata bahkan



HAIKAL (kiri) meraikan kemenangannya sebagai Juara Interstate 2019.

turut meluangkan masa melakukannya secara sendirian.

“Kebiasaannya saya akan mengambil masa sehingga dua jam bagi setiap sesi latihan yang dijalankan,” katanya lagi.

Tambahnya sebagai salah satu persediaan menghadapi SUKMA 2022 akan datang, dia bersama timnya akan menyertai Brunswick Challenge yang turut disertai atlet SUKMA dari negeri lain.

“Saya dimaklumkan kejohanan tersebut akan berlangsung pada 4 Jun ini namun ia tertakluk pada pi-



**ATLET
WILAYAH**

hak penganjur dan hingga kini masih tiada sebarang kata putus lagi.

“Banyak kejohanan terpaksa dibatalkan sebelum ini disebabkan pandemik jadi saya harap Brunswick Challenge ini dapat dijadikan acara pemanas badan sebelum SUKMA 2022 berlangsung,” ujar anak keempat daripada enam orang adik-beradik ini.

Menjadikan atlet tenpin boling, Syafiq Ismail sebagai idola dalam dunia boling, Haikal berkata, dia akan berusaha sehabis baik untuk mendapatkan gelaran juara

Pencapaian Haikal Hazlan

Interstate 2022
- Perak (Beregu)
Gangsa (Tim)

SUKMA 2018 - Gangsa (Tim)

Interstate 2019
- Emas (Individu)
Perak (Beregu)

Terbuka Sarawak 2019
- Gangsa (bawah 21 tahun)

memandangkan tahun ini merupakan SUKMA terakhir yang dapat disertainya.

Mengabdikan diri dalam dunia boling sejak berusia lima tahun, Haikal berkata ibu dan bapanya merupakan pendorong utama untuk dia terus berada dalam bidang ini.

“Saya memang membesar dengan dunia boling memandangkan ibu dan bapa saya juga merupakan bekas atlet boling. Jadi, sukan ini sudah sebatas dalam diri saya.

“Sekiranya pada masa akan datang saya tidak lagi menyertai sebarang kejohanan, saya bercita-cita untuk menjadi pembekal barang boling,” ujarnya yang menyasarkan untuk beraksi di Terbuka Malaysia suatu hari nanti. **WK**



Haikal sasar
gelaran juara
SUKMA 2022

►►23

Inisiatif DBKL tambah baik pengurusan bencana

Siren amaran banjir dipasang di KL

AZLAN ZAMBRY

LIMA kawasan yang kerap berlaku banjir kilat sekitar bandar raya Kuala Lumpur akan dipasang siren amaran sebagai usaha memberi peringatan awal kepada penduduk setempat mengenai kemungkinan berlakunya bencana alam itu.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, antara kawasan yang telah dikenal pasti adalah Lorong Kiri Keramat 15, Terowong Chan Sow Lin, Taman U-Thant, Jalan Sembilan di Kampung Cheras Baru dan Sungai Kayu Ara.

"Pemasangan sistem amaran itu merupakan antara inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menambah aset bagi pengurusan bencana banjir, selain pemasangan tambahan 51 unit sistem televisyen litar tertutup (CCTV) di kawasan 'hot spot' banjir.

"Kerja-kerja awal pemasangan siren amaran telah pun dimulakan ketika ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh **Datuk Che Abdullah Mat Nawi (PAS-**



SIREN amaran banjir dapat membantu menyelamat nyawa dan harta benda daripada musnah.

Tumpat) berhubung keberkesanan Terowong Smart di ibu kota dalam menangani masalah banjir kilat di Dewan Rakyat pada Selasa.

Menjelus lanjut, Jalaluddin berkata, setakat ini sebanyak 13 unit CCTV telah siap dipasang dan bakinya masih dalam proses pemasangan.

"Memang kita maklum Terowong Smart dapat membantu mengurangkan atau mencegah berlakunya banjir kilat, tapi itu tidak boleh menampung keseluruhan ka-

wasan di Kuala Lumpur.

"Disebabkan itu DBKL telah mengambil beberapa pendekatan untuk kita memberikan sistem amaran awal kepada masyarakat dan warga kota tentang kemungkinan berlakunya banjir kilat yang boleh mendatangkan kerugian kepada kerajaan dan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya sedang meneliti untuk menambah kekuatan pasukan berkenaan dalam membuat pemantauan cerun dan kawasan berbukit.

BANJIR KILAT: 5 SIREN AMARAN DIPASANG DI IBU NEGARA

- 1 Dalam usaha memberi amaran awal kepada warga kota mengenai kemungkinan berlakunya banjir kilat
- 2 Walaupun terdapat mekanisma seperti Terowong Smart bagi bantu kurangkan / cegah banjir kilat, tapi itu tidak boleh menampung semua kawasan di Kuala Lumpur
- 3 Oleh itu, kerja awal pemasangan siren telah bermula di:
- Lorong Kiri Keramat 15 • Jalan Sembilan di Kg Cheras Baru
- Terowong Chan Sow Lin • Kg Kayu Ara
- Taman U-Thant
- 4 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga sedang menambah lagi 51 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan hotspot banjir
- 5 Sementara itu, Kementerian WP juga sedang teliti keperluan untuk tambah kekuatan Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran DBKL, bagi memantau cerun & kawasan berbukit
- 6 Pasukan berkenaan hanya memiliki kekuatan 300 orang manakala terdapat 3,441 kawasan berbukit & cerun di Kuala Lumpur yang perlu dipantau



"Ketika ini terdapat 3,441 kawasan berbukit dan cerun di Kuala Lumpur yang perlu dipantau pasukan berkenaan yang kini hanya memiliki kekuatan kira-kira 300 orang," katanya yang menjawab

soalan tambahan Hannah Yeoh (PH-Segambut) mengenai sama ada pasukan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran DBKL akan diperbesarkan. **W.K**

Che Ta kagum perubahan imej Putrajaya

DEEL ANJER


JIKA dahulu imej Putrajaya hanya sebagai pusat pentadbiran kerajaan kini tidak lagi.

Kesungguhan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) menukar imej Putrajaya sejak beberapa tahun terakhir ini membangkitkan rasa kagum orang ramai.

Bagi aktres popular **Rozita Che Wan** beliau antara yang cukup terpesona dengan berbagai tarikan pelancongan terkini di Putrajaya.

Menyahut seruan kerajaan yang menggalakkan rakyat bercuti dalam negara, Rozita atau nama mesranya Che Ta mengajak orang ramai meluangkan masa bersama keluarga di Putrajaya.

Che Ta menyifatkan Putrajaya kini bukan hanya pusat pentadbiran kerajaan, tetapi juga tempat melancong kerana banyak lokasi menarik yang boleh dikunjungi.



GL@W menawarkan perkhemahan glamor dan santai di dalam bandar Putrajaya.

"Dulu saya pun ingat Putrajaya hanya pusat pentadbiran kerajaan sahaja. Rupa-rupanya banyak tempat menarik tau! Macam-macam ada sebenarnya di Putrajaya ni."

"Antara tarikan baharu yang saya tahu adalah Glamping @ Wetland Putrajaya. Di sana, ki-

ta boleh camping ala-ala glamor.

"Dalam khemah tu lengkap. Semua ada macam karpet, air cond, buaian, spring bed, tilam yang selesa dan banyak lagi. Siap ada pantai berpasir lagi tau!"

"Banyak sebenarnya aktiviti yang boleh dilakukan di sana. Boleh main flying fox, mandi

lumpur, menaiki ATV, memanah, berbasikal, memancing dan banyak lagi," katanya.

Selain itu, pengunjung boleh bersantai di pantai air tawar pertama di Malaysia iaitu Pantai Floria yang terletak di Presint 4, Putrajaya.

"Di sana, ibu bapa boleh membawa anak-anak mandi pantai yang terjamin selamat. Dalam masa yang sama mereka boleh bergambar berlatarbelakangkan panorama Tasik Putrajaya dan beberapa binaan ikonik," tambahnya lagi.

Antara tempat lain yang menjadi tarikan di Putrajaya adalah Tengah Putrajaya, Taman Wetland, Taman Botani, kedai coklat terbesar di Lembah Klang Souq Shoppe dan banyak lagi. **W.K**

